



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**

# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PBPPP**

96.15%

98.64%

97.89%



## **KATA ALU-ALUAN**

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Syabas dan tahniah kepada Unit Penilaian Kompetensi, Cawangan Latihan dan Kompetensi kerana telah menghasilkan Garis Panduan Pelaksanaan PBPPP yang boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada semua pengurus dan pelaksana Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP).

Saya yakin, dokumen ini dapat membantu pihak yang mengurus, Pegawai Penilai (PP), Pegawai Yang Dinilai (PYD) yang terlibat secara langsung dengan PBPPP. Garis panduan dan contoh-contoh yang diberikan dalam dokumen ini diharapkan dapat memberi penjelasan dan panduan kepada semua pihak untuk merealisasikan pelaksanaan PBPPP yang mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Saya berharap agar dokumen yang disediakan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua warga Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mengurus dan melaksanakan PBPPP dengan cekap.

Ucapan jutaan terima kasih dirakamkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menghasilkan dokumen ini dan sumbangan tuan/ puan amat bermakna kepada warga KPM.

**ROSPIAGOS BIN TAHA**  
**Setiausaha Bahagian**  
**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**  
**Kementerian Pendidikan Malaysia**



## ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	M/SURAT
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>i</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>v</b>
<b>1.0 PENDAHULUAN</b>	<b>3</b>
<b>2.0 PENGENALAN PBPPP</b>	<b>3</b>
2.1 Punca Kuasa Pelaksanaan	5
2.2 Matlamat PBPPP	5
2.3 Objektif PBPPP	5
2.4 Konsep Penilaian	6
2.5 Komponen Instrumen	6
2.6 Konsep Instrumen	8
2.7 Aras Pencapaian	10
2.8 Sistem e-Prestasi	11
2.9 Tempoh Penilaian	12
2.10 Fasa Penilaian	12
<b>3.0 JAWATANKUASA PBPPP ORGANISASI</b>	<b>14</b>
3.1 Struktur Jawatankuasa	14
3.2 Tanggungjawab Jawatankuasa	15
3.3 Peranan Jawatankuasa	15
<b>4.0 PEGAWAI PENILAI</b>	<b>17</b>
4.1 Pelantikan PP	17
4.2 Tanggungjawab PP	18
<b>5.0 PEGAWAI YANG DINILAI</b>	<b>19</b>
5.1 Kriteria PYD	19
5.2 Tanggungjawab PYD	20
<b>6.0 GARIS PANDUAN INSTRUMEN</b>	<b>23</b>
Generik	25
Guru Akademik	79
Pengajaran dan Pentadbiran	107
Guru Bimbingan dan Kaunseling	141
Jurulatih	181

Pensyarah	209
Pengurusan dan Pentadbiran	237
Fasilitator	259
Kaunselor	283
Pegawai Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas	311
<b>7.0 PENILAIAN KOMPONEN KEBERHASILAN</b>	<b>337</b>
7.1 Proses Kerja Penilaian	338
7.2 Kaedah Penilaian	339
7.3 Penetapan Sasaran	340
7.4 Kaedah Penulisan Sasaran	340
7.5 Penilaian Sasaran	343
7.6 Borang Keberhasilan	345
<b>8.0 PANDUAN CONTOH PENULISAN</b>	<b>351</b>
Guru Akademik	353
Pensyarah	361
PT (A)	367
PT (B)	379
Fasilitator	401
Jurulatih	407
<b>9.0 PENUTUP</b>	<b>413</b>
<b>AKRONIM</b>	<b>417</b>
<b>GLOSARI</b>	<b>418</b>

## SENARAI RAJAH

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>M/SURAT</b>
Rajah 7. 1: Pecahan wajaran mengikut komponen dalam PBPPP	337
Rajah 7. 2: Carta Alir Proses Kerja Penilaian Keberhasilan	338
Rajah 7. 3: Borang Keberhasilan	346
Rajah 7. 4: Pemindahan Skor Keberhasilan	348





## SENARAI JADUAL

ISI KANDUNGAN	M/SURAT
Jadual 7. 1: Contoh Penulisan Sasaran Keberhasilan Mengikut Kaedah Penulisan	341
Jadual 7. 2: Contoh Kesalahan Penulisan Sasaran Keberhasilan	342
Jadual 7. 3: Tahap Keberhasilan dan Julat Markah Mengikut Skor	343
Jadual 8. 1: Contoh Kaedah Penulisan Sasaran Menggunakan Sistem Penggal dan Sistem Semester	352
Jadual 8. 2: Guru Akademik Biasa	355
Jadual 8. 3: Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)	356
Jadual 8. 4: Guru Akademik Tingkatan 6	357
Jadual 8. 5: Guru Dalam Hospital	358
Jadual 8. 6: Guru Prasekolah	358
Jadual 8. 7: Guru Kanan Mata Pelajaran/ Ketua Bidang	359
Jadual 8. 8: Pensyarah Akademik IPGK	363
Jadual 8. 9: Pensyarah Kokurikulum IPGK	363
Jadual 8. 10: Pensyarah Akademik Kolej Matrikulasi	364
Jadual 8. 11: Pensyarah Kokurikulum Kolej Matrikulasi	364
Jadual 8. 12: Pensyarah IAB	365
Jadual 8. 13: Pengetua/ Guru Besar	369
Jadual 8. 14: Penolong Kanan Pentadbiran	370
Jadual 8. 15: Penolong Kanan Hal Ehwal Murid	371
Jadual 8. 16: Penolong Kanan Kokurikulum	371
Jadual 8. 17: Penolong Kanan Tingkatan 6	372
Jadual 8. 18: Penolong Kanan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)	373
Jadual 8. 19: Penolong Kanan Seni (Seni Teater/ Seni Tari/ Seni Muzik/ Seni Visual/ Reka Bentuk/ Komunikasi Visual/ Seni Halus)	373
Jadual 8. 20: Penolong Kanan Sukan (Sekolah Sukan)	374
Jadual 8. 21: Penyelia Sekolah Dalam Hospital	374
Jadual 8. 22: Ketua Jabatan/Pusat IAB	375
Jadual 8. 23: Ketua Jabatan IPGK	376
Jadual 8. 24: Ketua Unit Kolej Matrikulasi	376
Jadual 8. 25: Ketua Jabatan di Kolej Matrikulasi	377
Jadual 8. 26: Ketua Nazir Negeri/ Timbalan Ketua Nazir Negeri	381
Jadual 8. 27: Nazir Kanan/ Nazir Sekolah	381
Jadual 8. 28: Pegawai Pendidikan Daerah	382

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>M/SURAT</b>
Jadual 8. 29: Timbalan PPD (Perancangan)	383
Jadual 8. 30: Timbalan PPD (Pembelajaran)	384
Jadual 8. 31: Penolong PPD Pemulihan	386
Jadual 8. 32: Penolong PPD Pembangunan Bakat Murid	386
Jadual 8. 33: Penolong PPD Hal Ehwal Murid	387
Jadual 8. 34: Penolong PPD Prasekolah, Rendah dan Menengah	387
Jadual 8. 35: Penolong PPD Pentaksiran dan Peperiksaan	389
Jadual 8. 36: Penolong PPD Pendidikan Khas	390
Jadual 8. 37: Penolong PPD Pendidikan Islam	391
Jadual 8. 38: Penolong PPD Unit Sumber dan Teknologi Pendidikan	391
Jadual 8. 39: Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah	392
Jadual 8. 40: Ketua Penolong Pengarah Kanan Pengurusan Sekolah	393
Jadual 8. 41: Ketua Penolong Pengarah Pengurusan Sekolah	394
Jadual 8. 42: Penolong Pengarah Pengurusan Sekolah Institut Pendidikan Swasta	395
Jadual 8. 43: Penolong Pengarah Unit Naik Pangkat	396
Jadual 8. 44: Penolong Pengarah Unit Penilaian Tahap Kompetensi	396
Jadual 8. 45: Ketua Penolong Pengarah Sumber Pembangunan Manusia, BPI	397
Jadual 8. 46: Penolong Pengarah Unit Pentaksiran SBP	397
Jadual 8. 47: Ketua Penolong Pengarah IPGM	398
Jadual 8. 48: Penolong Pengarah Unit Pengurusan Dasar Lembaga Peperiksaan	399
Jadual 8. 49: Guru Bimbingan dan Kaunseling	403
Jadual 8. 50: SISC+	404
Jadual 8. 51: Penolong Pengarah Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK)	405
Jadual 8. 52: Jurulatih Sukan (Bola Tampar)	409

The cover features a central dark blue horizontal band. Above and below this band are orange triangular shapes that point towards the center, creating a dynamic, angular composition. The text is centered within the dark blue band.

# **PENGENALAN & PENGURUSAN PBPPP**



## 1.0 PENDAHULUAN

Dokumen ini merupakan garis panduan untuk rujukan kepada semua pihak yang terlibat dengan pengurusan dan pelaksanaan Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP). Kandungan dokumen ini meliputi perkara berikut:

- a. Pengenalan PBPPP
- b. Struktur, peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa PBPPP Organisasi (JK PBPPP)
- c. Syarat pelantikan dan tanggungjawab Pegawai Penilai (PP)
- d. Kriteria dan tanggungjawab Pegawai Yang Dinilai (PYD)
- e. Garis Panduan Instrumen dan Instrumen PBPPP
- f. Garis Panduan Penilaian Komponen Keberhasilan
- g. Contoh-contoh Penulisan Keberhasilan
- h. Akronim dan Glosari

## 2.0 PENGENALAN PBPPP

PBPPP adalah penilaian yang memberi fokus kepada penilaian dan pembangunan kompetensi, potensi dan keberhasilan berasaskan gred dan jawatan serta mengambil kira kepelbagaian bidang tugas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP).

Pembangunan instrumen PBPPP bermula selepas pemansuhan Penilaian Tahap Kompetensi (PTK) pada Oktober 2010. Selepas pemansuhan PTK, Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi (BPPK) mula mengorak langkah dengan mengadakan Persidangan Penilaian Kompetensi BPPK dan JPN pada bulan Disember 2010, Persidangan Pegawai Kanan KPM pada bulan Januari 2011 dan Persidangan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) pada bulan Februari 2011 untuk mendapat input dan idea bagi menghasilkan penilaian kompetensi yang boleh diterima oleh semua pihak. Pada tahun 2011, skim perkhidmatan Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) mula diperkenalkan dan BPPK menggunakan keputusan persidangan yang telah dianjurkan dalam membangunkan Instrumen Penilaian Kompetensi dan Potensi (PROSPEK).

Walau bagaimanapun, pada bulan Februari 2012, SBPA telah dibatalkan dan pelaksanaan PROSPEK ditangguhkan tetapi pembangunan penilaian ini tidak terhenti kerana pada April sehingga Mei 2012, Makmal *Government Transformation Programme 2.0* (GTP 2.0) telah membangunkan Instrumen Bersepadu (*Unified Instrument*) untuk guru berasaskan kerangka instrumen PROSPEK. Kajian terhadap instrumen tersebut telah dilaksanakan kepada semua guru di Negeri Sembilan.

Pada 15 Disember 2012, Mesyuarat Pelarasan *New Teacher's Charter* (NTC) bersama BPPK, *Delivery Management Office* (DMO) dan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah bersetuju supaya BPPK membangunkan instrumen PBPPP. Pembangunan instrumen telah bermula pada tahun 2013 dan menetapkan format instrumen penilaian yang akan digunakan.

Pada peringkat awal, sebanyak 20 instrumen dibangunkan mengikut kumpulan bidang tugas. Walau bagaimanapun, pemetaan semula instrumen dilaksanakan dengan 5 kumpulan bidang tugas utama iaitu Kumpulan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Pengajaran dan Pentadbiran bagi Pentadbir di Sekolah dan Institusi Pendidikan (PT(A)), Pengurusan dan Pentadbiran bagi PPP di PPD, JPN dan Bahagian-Bahagian di KPM (PT(B)), Fasilitator dan Jurulatih dengan menggunakan empat aras penilaian.

Bermula tahun 2020, perubahan aras penilaian dalam instrumen PBPPP dari empat aras kepada lima aras telah dibuat selaras dengan keputusan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Induk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bilangan 1 Tahun 2019.

PBPPP digubal berdasarkan kepada prinsip asas penilaian berikut:

- a. Penilaian yang adil dan telus berasaskan kepada prestasi/ hasil kerja/ *output/ outcome/* impak yang bersesuaian serta perlakuan yang berkaitan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.
- b. Menggalakkan persaingan positif dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti ke arah pencapaian objektif organisasi.
- c. Berfokus kepada penilaian terhadap pegawai mengikut tanggungjawab dan bidang tugas.

## **2.1 Punca Kuasa Pelaksanaan**

PBPPP telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan arahan pelaksanaan peringkat KPM telah dikeluarkan pada 20 November 2015. Pelaksanaan PBPPP bagi kumpulan guru dan pemimpin sekolah bermula pada tahun 2015 dan pelaksanaan menyeluruh kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) bermula pada tahun 2016. Pelaksanaan PBPPP ini menggantikan semua penilaian prestasi termasuk fungsi Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) kepada semua PPP di KPM.

## **2.2 Matlamat PBPPP**

Matlamat PBPPP adalah seperti berikut:

- a. Meningkatkan kecekapan dan komitmen bagi melahirkan PPP yang berprestasi tinggi.
- b. Penilaian menyeluruh yang menggabungkan kompetensi dan potensi serta keberhasilan PPP.
- c. Mendokong aspirasi ke arah pendidikan yang berkualiti tinggi.


## **2.3 Objektif PBPPP**

Objektif PBPPP adalah seperti berikut:

- a. Menilai kompetensi dan potensi PPP.
- b. Menilai keberhasilan yang merupakan hasil kerja PPP.
- c. Mengenal pasti kompetensi dan potensi PPP untuk membolehkan Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) dilaksanakan.
- d. Mengenal pasti keperluan latihan untuk pembangunan laluan kerjaya PPP.

## 2.4 Konsep Penilaian

PBPPP merupakan suatu penilaian yang fleksibel kerana tidak terikat hanya pada satu kaedah, masa dan tempat penilaian. Penilaian boleh dilaksanakan oleh PP mengikut pelbagai kaedah yang sesuai, kesesuaian masa dan tempat berdasarkan tugas dan tempat bertugas (*Job-Based & Work Place*) PYD.



## 2.5 Komponen Instrumen

Instrumen PBPPP terdiri daripada tiga komponen iaitu Generik, Fungsional dan Keberhasilan.





### Generik

Komponen Generik bertujuan untuk menilai profesionalisme dan penglibatan PPP. Semua warga PPP di KPM dinilai menggunakan komponen generik yang sama.

### Fungsional

Komponen Fungsional bertujuan untuk menilai pengetahuan dan kemahiran PPP mengikut bidang tugas dan tempat bertugas yang dijalankan.

Terdapat lima kategori kumpulan dalam komponen fungsional berdasarkan bidang tugas iaitu PdP, PT (A), PT (B), Fasilitator dan Jurulatih.



## Keberhasilan


Penilaian Komponen Keberhasilan merupakan penilaian hasil kerja utama *outcome/output* yang memberi impact kepada klien berdasarkan tugas dan tempat bertugas.


### 2.6 Konsep Instrumen


Komponen Generik dan Fungsional dalam instrumen PBPPP mempunyai struktur yang terdiri daripada Dimensi, Elemen dan Aspek.



KOD	DIMENSI, ELEMEN DAN ASPEK	DESKRIPSI
D3	KEMAHIRAN	
E1	NILAI PROFESIONAL	
A1.1	AMALAN PROFESIONAL	<p><b>Keupayaan pegawai untuk:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>mengetahui, memahami, menghayati dan mempamerkan etika kerja penjawat awam</li> <li>mengetahui, memahami, menghayati dan mempamerkan patriotisme, <i>non-partisan</i>, <i>neutrality</i> dan mematuhi tata kelakuan sebagai penjawat awam</li> <li>mengetahui, memahami, menghayati dan mempamerkan etika kerja keguruan</li> <li>mengetahui, memahami, menghayati dan mempamerkan etika kaunseling- berdasarkan Akta 580 (GBKSM dan Kaunselor)</li> </ul>


 DIMENSI


 ELEMEN

 ASPEK

Penilaian dibuat mengikut aspek dalam instrumen dan prestasi pencapaian PYD diberikan mengikut aras penilaian sama ada Cemerlang, Baik, Sederhana, Memuaskan atau Lemah berdasarkan rubrik yang ditetapkan.

ARAS PENILAIAN				
CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	MEMUASKAN	LEMAH
5	4	3	2	1
Mengetahui, dan memahami etika kerja yang berkaitan serta mempamerkan tingkah laku beretika dengan konsisten.	Mengetahui dan memahami etika kerja yang berkaitan serta mempamerkan tingkah laku beretika.	Mengetahui dan memahami etika kerja yang berkaitan tetapi kurang mempamerkan tingkah laku beretika.	Kurang mengetahui dan kurang memahami etika kerja yang berkaitan serta kurang mempamerkan tingkah laku beretika.	Kurang mengetahui dan kurang memahami etika kerja yang berkaitan serta tidak mempamerkan tingkah laku beretika.

 ARAS PENILAIAN

 RUBRIK

## 2.7 Aras Pencapaian

PPP akan dinilai berdasarkan Penilaian Kompetensi dan Potensi yang merangkumi Generik dan Fungsional serta Penilaian Keberhasilan.



Prestasi pencapaian PYD dalam PBPPP dibahagikan kepada empat kategori iaitu Cemerlang, Tinggi, Sederhana dan Rendah.



## 2.8 Sistem e-Prestasi

Sistem e-Prestasi dibangunkan bagi pelaksanaan PBPPP dan boleh dilayari melalui laman sesawang <https://eprestasi.moe.gov.my>.



Laman sesawang ini boleh dilayari oleh semua pihak untuk mendapatkan maklumat berkaitan PBPPP melalui Modul Manual Pengguna. Melalui modul tersebut, bahan yang berkaitan PBPPP boleh dimuat turun.

Laman sesawang ini hanya boleh diakses (log masuk) oleh JK PBPPP dan PP yang dilantik sahaja. Integriti pegawai yang layak untuk akses perlu dijaga supaya pihak yang berkenaan tidak menyalahgunakan sistem tersebut.

PP juga boleh menyemak status penilaian PYD di bawah seliaan mereka melalui aplikasi mudah alih bagi sistem e-Prestasi iaitu MyPBPPP.

## 2.9 Tempoh Penilaian

Fleksibiliti diberikan kepada organisasi untuk melaksanakan penilaian secara berterusan dalam tempoh satu tahun penilaian mengikut takwim yang dikeluarkan oleh KPM.

## 2.10 Fasa Penilaian

Sepanjang tempoh setahun pelaksanaan, terdapat tiga fasa penilaian iaitu prapenilaian, semasa penilaian dan pascapenilaian.

### **Prapenilaian**

Perkara-perkara yang perlu dilaksanakan dalam fasa ini ialah:

- a. Ketua Jabatan (Pengerusi JK PBPPP) melantik ahli-ahli dalam JK PBPPP di organisasi dan mendapatkan pengesahan daripada agensi penyelia.
- b. JK PBPPP dan PP perlu merujuk takwim pelaksanaan PBPPP pada tahun semasa yang dikeluarkan oleh KPM dan agensi penyelia.
- c. Pengerusi perlu mengadakan Mesyuarat JK PBPPP.
- d. JK PBPPP memutuskan pelantikan PP peringkat organisasi dan mendapatkan pengesahan daripada agensi penyelia.
- e. JK PBPPP melaksanakan taklimat/ pemakluman pelaksanaan PBPPP di peringkat organisasi pada tahun semasa.
- f. JK PBPPP menyediakan perancangan pengurusan penilaian PBPPP peringkat organisasi.
- g. PP menyediakan perancangan pelaksanaan penilaian secara individu.

### **Semasa Penilaian**

Perkara-perkara yang perlu dilaksanakan dalam fasa ini ialah:

- a. PP1 dan PP2 berbincang dengan PYD untuk menetapkan sasaran keberhasilan.
- b. PP1 dan PP2 membuat penilaian secara berterusan terhadap PYD.
- c. PP1 dan PP2 memasukkan skor melalui sistem e-Prestasi dua kali setahun.
- d. PP dan PP2 memaklumkan kepada PYD berkaitan pencapaian semasa dan memberikan bimbingan untuk meningkatkan pencapaian PYD dalam tugas yang dijalankan.
- e. PP1, PP2 dan PYD membuat semakan semula sasaran komponen keberhasilan selepas penilaian pertama (jika perlu).
- f. PP1 dan PP2 menyimpan dan menghantar skor PYD melalui sistem e-Prestasi.
- g. PP1 dan PP2 membuat salinan borang skor dan menyerahkan salinan kepada PYD bagi setiap penilaian.
- h. PP1 membuat salinan penilaian borang keberhasilan dan menyerahkan salinan kepada PYD bagi setiap penilaian.
- i. JK PBPPP perlu memantau pelaksanaan PBPPP di organisasi masing-masing bagi memastikan pelaksanaan mengikut takwim dan prosedur yang ditetapkan.

### **Pascapenilaian**

Perkara-perkara yang perlu dilaksanakan dalam fasa ini ialah:


- a. JK PBPPP perlu bermesyuarat untuk membuat pelarasan sekiranya wujud perbezaan markah yang tidak tekal antara PP1 dan PP2.
- b. JK PBPPP perlu memastikan markah akhir PYD yang telah diselaraskan dihantar melalui sistem e-Prestasi.
- c. PYD boleh mendapatkan markah prestasi bagi tahun penilaian melalui Sistem HRMIS selepas dimuktamadkan oleh PPSM Induk KPM.

### 3.0 JAWATANKUASA PBPPP ORGANISASI

JK PBPPP ditubuhkan untuk mengurus pelaksanaan PBPPP di peringkat organisasi masing-masing. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk memastikan PBPPP dilaksanakan mengikut kaedah dan prosedur yang ditetapkan.

#### 3.1 Struktur Jawatankuasa

Keanggotaan JK PBPPP terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Setiausaha, tiga orang Ahli Jawatankuasa dan seorang Urus Setia. Walau bagaimanapun, bilangan ahli jawatankuasa boleh dilantik melebihi tiga orang di luar sistem e-Prestasi dan perlu diminitkan dalam minit mesyuarat JK PBPPP.



Dalam kes-kes tertentu, JK PBPPP boleh dianggotai oleh sekurang-kurangnya tiga orang iaitu Pengerusi, Setiausaha, dan seorang Ahli Jawatankuasa.



### 3.2 Tanggungjawab Jawatankuasa

Tanggungjawab JK PBPPP adalah seperti berikut:

- a. Merancang, menyelaras dan memantau aktiviti penilaian di peringkat organisasi.
- b. Melantik PP bagi PYD yang layak dinilai pada tahun semasa mengikut kriteria yang ditetapkan.
- c. Mengesahkan senarai jawatankuasa dan PP yang dikemukakan oleh organisasi yang diselia.
- d. Merancang dan melaksanakan latihan dalaman PBPPP kepada warga organisasi.
- e. Memastikan pelaksanaan PBPPP mengikut proses dan prosedur yang telah ditetapkan.
- f. Memastikan Fail Pengurusan PBPPP sekurang-kurangnya Dokumen Terperingkat diurus mengikut garis panduan Arahan Keselamatan.
- g. Memastikan PP membuat penilaian dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- h. Memastikan semua PYD yang layak dinilai pada tahun semasa, dilaksanakan penilaian.
- i. Menjaga kerahsiaan prestasi PYD dan dokumen terperingkat sepanjang masa.
- j. Menyediakan laporan pelaksanaan penilaian di peringkat organisasi.
- k. Membuat pelarasan markah bagi markah yang tidak tekal antara PP1 dengan PP2 dalam tempoh yang ditetapkan.

### 3.3 Peranan Jawatankuasa

Peranan JK PBPPP adalah seperti berikut:

#### PENGERUSI

- a. Menubuhkan dan melantik JK PBPPP.
- b. Mempengerusikan mesyuarat JK PBPPP.
- c. Menyampaikan taklimat/ maklumat PBPPP di peringkat organisasi.
- d. Menjaga kerahsiaan prestasi PYD dan dokumen terperingkat sepanjang masa.
- e. Memastikan pelaksanaan PBPPP mengikut proses dan prosedur yang telah ditetapkan.
- f. Memantau pelaksanaan PBPPP peringkat organisasi.
- g. Mengesahkan senarai JK dan PP yang dicetak daripada sistem e-Prestasi

### **SETIAUSAHA**

- a. Menjadi penyelaras kepada JK PBPPP.
- b. Menghadiri mesyuarat JK PBPPP.
- c. Menyediakan minit mesyuarat JK PBPPP.
- d. Menyediakan jadual pelaksanaan PBPPP peringkat organisasi.
- e. Mengurus taklimat kepada PP dan PYD di peringkat organisasi.
- f. Menyediakan senarai cadangan PP untuk semua PPP yang layak dinilai pada tahun semasa.
- g. Memberi latihan dalaman kepada PP di peringkat organisasi.
- h. Memantau pelaksanaan PBPPP peringkat organisasi.
- i. Menjadi perantara organisasi dengan agensi yang berkaitan/ KPM.
- j. Memastikan Fail Pengurusan PBPPP disediakan oleh urus setia.
- k. Menjaga kerahsiaan prestasi PYD dan dokumen terperingkat sepanjang masa.

### **AHLI JAWATANKUASA**

- a. Menghadiri mesyuarat JK PBPPP.
- b. Mencadangkan PP untuk semua PPP yang layak dinilai pada tahun semasa.
- c. Memantau pelaksanaan PBPPP peringkat organisasi.
- d. Menjaga kerahsiaan prestasi PYD dan dokumen terperingkat sepanjang masa.

### **URUS SETIA**

- a. Mengurus setiakan mesyuarat JK PBPPP.
- b. Menyedia dan menguruskan Fail Pengurusan PBPPP di peringkat organisasi.
- c. Membantu memantau pelaksanaan PBPPP peringkat organisasi.
- d. Menjaga kerahsiaan prestasi PYD dan dokumen terperingkat sepanjang masa.

## 4.0 PEGAWAI PENILAI

Pegawai Penilai (PP) ialah Pegawai yang dilantik oleh JK PBPPP organisasi untuk menilai PPP di bawah seliaannya.

### 4.1 Pelantikan PP

Syarat-syarat pelantikan PP adalah seperti berikut:

- a. PP mesti mempunyai hubungan kerja dengan PYD.
- b. PP yang dilantik boleh terdiri daripada:
  - sekurang-kurangnya satu gred lebih tinggi daripada PYD; atau
  - ketua organisasi atau penyelia kepada PYD; atau
  - Sekiranya kriteria PP di atas tidak dapat dipenuhi maka PP boleh dilantik mengikut kekananan/ lama tempoh berkhidmat dalam gred semasa yang ditentukan oleh JK PBPPP.
- c. PP tiada hubungan kekeluargaan terdekat melalui pertalian darah atau perkahwinan (suami, isteri, anak, adik beradik, anak saudara, mertua, menantu, ipar, sepupu atau biras) dengan PYD.
- d. PP menyelia PYD sekurang-kurangnya 6 bulan (180 hari) pada tahun semasa.
- e. Sekiranya tiada PP yang layak menilai kerana tempoh penyeliaannya kurang dari 6 bulan dalam tahun yang dinilai, maka penilaian hendaklah dilakukan oleh penyelia yang terdekat dan mempunyai hubungan kerja dengan PYD dengan tempoh minimum 3 bulan.
- f. Sekiranya PP berkhidmat di dua jabatan yang berlainan dalam tempoh yang sama panjang, maka PP masih boleh menjadi penilai di jabatan sebelum jika diperlukan.
- g. PP boleh dilantik dalam kalangan pegawai yang berlainan skim perkhidmatan.
- h. Sekiranya penilaian tidak diselesaikan oleh PP kerana telah bersara, meninggal dunia, meletak jawatan atau tidak dapat dikesan, maka JK PBPPP perlu melantik PP baharu bagi PYD tersebut.
- i. PP perlu dilantik dalam organisasi yang sama kecuali bagi kumpulan kepimpinan organisasi, PP dilantik dalam kalangan pegawai dari organisasi yang menyelia. Contohnya, Pengetua/ Guru Besar dan Guru Penolong Kanan dinilai oleh Pegawai di PPD.

## 4.2 Tanggungjawab PP

Tanggungjawab PP adalah seperti berikut:

- a. Mengadakan sesi perbincangan bersama PYD bagi tujuan penetapan sasaran keberhasilan pada awal tahun penilaian.
- b. Memastikan instrumen yang betul mengikut bidang tugas PYD bawah seliaannya.
- c. Menyelia PYD melalui pengawasan dan bimbingan yang berterusan berdasarkan kompetensi dan prestasi kerja sepanjang tahun yang dinilai.
- d. Berbincang dengan PYD mengenai kemajuan kerja sekurang-kurangnya dua kali setahun dan dari semasa ke semasa bagi membuat pengubahsuaian strategi kerja untuk meningkatkan prestasi kerja.
- e. Mengadakan sesi perbincangan bersama PYD bagi tujuan semakan semula sasaran keberhasilan selepas penilaian pertama (jika perlu).
- f. Memasukkan, menyimpan dan menghantar skor PYD ke dalam sistem e-Prestasi.
- g. Memastikan penilaian dilaksanakan tanpa dipengaruhi oleh prestasi tahun-tahun sebelumnya atau faktor yang boleh dianggap sebagai unsur-unsur pilih kasih yang boleh mencemarkan nilai integriti.
- h. Menilai tanpa memberikan perhatian yang lebih kepada perkara yang baru berlaku, sama ada bersifat positif atau negatif yang boleh mempengaruhi penilaian terhadap PYD.
- i. Mengadakan perbincangan antara PP1 dan PP2 berkaitan prestasi PYD tetapi tidak berbincang dalam penetapan pemberian skor PYD (jika perlu).
- j. Membuat penilaian dengan keyakinan bahawa PYD merupakan aset penting yang perlu dan boleh dimajukan dari semasa ke semasa.
- k. Melaksanakan penilaian tanpa tergesa-gesa atau dilakukan pada saat akhir.
- l. Melaksanakan penilaian tanpa mengambil jalan mudah dengan memberikan skor dalam lingkungan pertengahan sahaja.
- m. Memaklumkan prestasi yang diperoleh PYD mengikut aspek yang dinilai.
- n. Menyimpan Borang Skor dan Borang Keberhasilan serta menyerahkan salinan kepada PYD.
- o. Menjaga kerahsiaan skor PYD sepanjang masa.

## 5.0 PEGAWAI YANG DINILAI

Pegawai yang dinilai merupakan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang telah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP).

### 5.1 Kriteria PYD

Kriteria PYD yang terlibat dalam PBPPP adalah seperti berikut:

- a. PPP yang sedang berkhidmat secara tetap atau kontrak di KPM dan agensi bawah seliaan.
- b. PPP Gred Khas dan DG54 ke bawah.
- c. Guru pinjaman dan kader tidak dinilai menggunakan PBPPP.
- d. PPP mesti berkhidmat di tempat bertugas melebihi 6 bulan (180 hari).
- e. PPP yang baru dilantik pada tahun penilaian semasa perlu berkhidmat sekurang-kurangnya 6 bulan (180 hari) sebelum dinilai.
- f. Jika tempoh berkhidmat pada tahun penilaian semasa tidak mencukupi, PYD akan dinilai setelah genap 6 bulan (180 hari) berkhidmat pada tahun berikutnya.
- g. Sekiranya PPP berkhidmat di dua jabatan yang berlainan dalam tempoh yang sama panjang, maka penilaian hendaklah dilaksanakan di jabatan semasa.
- h. PPP yang akan bersara pada tahun penilaian semasa tetapi berkhidmat melebihi 6 bulan (180 hari) perlu dinilai.
- i. PPP perlu dinilai oleh dua orang PP, tetapi bagi jawatan atau kes-kes tertentu, PPP boleh dinilai oleh seorang PP sahaja.
- j. Pegawai interim/ lantikan secara pentadbiran perlu dinilai di tempat bertugas semasa.
- k. PPP status dalam Jawatan Kumpulan (POOL) perlu dinilai berdasarkan syarat tempoh penilaian.

## 5.2 Tanggungjawab PYD

Tanggungjawab PYD adalah seperti berikut:

- a. Mengetahui PP1 dan PP2 yang dilantik untuk menilainya.
- b. Menghadiri sesi perbincangan bersama PP1 dan PP2 bagi tujuan penetapan sasaran keberhasilan pada awal tahun penilaian.
- c. Memastikan PP menggunakan instrumen penilaian yang betul mengikut bidang tugas PYD.
- d. Mendapat bimbingan yang berterusan berdasarkan kompetensi dan prestasi kerja sepanjang tahun yang dinilai oleh PP1 dan PP2.
- e. Berbincang mengenai kemajuan kerja sekurang-kurangnya dua kali setahun dan dari semasa ke semasa bagi membuat pengubahsuaian strategi kerja untuk meningkatkan prestasi kerja dengan PP1 dan PP2
- f. Menghadiri sesi perbincangan bersama dengan PP1 dan PP2 bagi tujuan semakan semula sasaran keberhasilan selepas penilaian pertama (jika perlu).
- g. Memastikan PP1 dan PP2 memaklumkan prestasi yang diberi mengikut aspek yang dinilai.
- h. Memastikan PP1 dan PP2 memberi salinan Borang Skor penilaian bagi setiap sesi penilaian.
- i. Memastikan PP1 memberi salinan Borang Keberhasilan penilaian bagi setiap sesi penilaian.
- j. Menyimpan salinan Borang Skor dan Borang Keberhasilan yang diserahkan oleh PP1 dan PP2.

The cover features a central dark blue horizontal band. Above and below this band are orange triangular shapes that point towards the center, creating a dynamic, angular composition. The text is centered within the dark blue band.

# **GARIS PANDUAN INSTRUMEN**





## 6.0 GARIS PANDUAN INSTRUMEN

Garis panduan instrumen merupakan huraian untuk menjelaskan setiap topik yang terkandung dalam instrumen iaitu aspek, deskripsi tugas, kaedah penilaian dan rubrik bagi setiap aras penilaian untuk semua instrumen PBPPP.


Berikut ialah senarai Garis Panduan Instrumen PBPPP

- a. Generik
- b. Guru Akademik (GAB)
- c. Pengajaran dan Pentadbiran (PT (A))
- d. Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK)
- e. Jurulatih
- f. Pensyarah
- g. Pengurusan dan Pentadbiran (PT (B))
- h. Fasilitator
- i. Kaunselor
- j. Pegawai Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK)






**GENERIK**





Berikut adalah kandungan dan wajaran bagi instrumen Generik.



**DIMENSI 2 –  
PENGLIBATAN**

**10%**

**E1**  
Hubungan  
Luar

5%

A1.1 Jalinan dan Jaringan (Networking and Linkages)

**E2**  
Sumbangan

5%

A2.1 Sumbangan Profesional dan/atau Sosial

## D1 PROFESIONALISME E1 NILAI PROFESIONAL

<b>ASPEK A1.1: AMALAN PROFESIONAL</b>
<b>HURAIAN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengetahui, memahami, mematuhi dan mempamerkan tingkah laku beretika sebagai seorang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengetahui dan memahami ialah keupayaan pegawai untuk menjelaskan tingkah laku beretika.</li> <li>- Mematuhi ialah keupayaan pegawai untuk patuh akan tingkah laku beretika.</li> <li>- Mempamerkan ialah keupayaan pegawai untuk memperlihatkan tingkah laku beretika.</li> </ul> </li> </ul>

<b>DESKRIPSI &amp; HURAIAN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Keupayaan pegawai untuk mengetahui, memahami, menghayati dan mempamerkan etika kerja penjawat awam</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- contoh:                   <ol style="list-style-type: none"> <li>i. jujur dan amanah</li> <li>ii. berketerampilan</li> <li>iii. berintegriti dan sebagainya</li> </ol> </li> </ul> </li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Keupayaan pegawai untuk mengetahui, memahami, menghayati dan mempamerkan patriotisme, <i>non-partisan</i>, <i>neutrality</i> dan mematuhi tata kelakuan sebagai penjawat awam</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- contoh :                   <ol style="list-style-type: none"> <li>i. cinta dan taat akan Yang di-Pertuan Agong, negara serta kerajaan (<i>Government of the day</i>).</li> <li>ii. menjalankan tugas tanpa memihak mana-mana parti politik.</li> <li>iii. tidak mengutamakan kepentingan peribadi sehingga membelakangkan tugas awam.</li> </ol> </li> </ul> </li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Keupayaan pegawai untuk mengetahui, memahami, menghayati dan mempamerkan etika kerja keguruan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- contoh :                   <ol style="list-style-type: none"> <li>i. cinta akan profesion.</li> <li>ii. tidak menyebarkan perkara yang dapat memburukkan imej organisasi mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan organisasi.</li> </ol> </li> </ul> </li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Keupayaan pegawai untuk mengetahui, memahami, menghayati dan mempamerkan etika kaunseling- berdasarkan Akta 580 (GBKSM dan Kaunselor)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- contoh:                   <ol style="list-style-type: none"> <li>i. dapat diteladani</li> <li>ii. sentiasa menjaga kerahsiaan</li> </ol> </li> </ul> </li> </ul>

<b>KAEDAH PENILAIAN &amp; HURAIAN</b>
<b>Pemerhatian</b>
<p>Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• jujur dan dapat dipertanggungjawabkan</li> <li>• cara berpakaian mengikut peraturan semasa</li> <li>• mengutamakan kepentingan negara berbanding dengan kepentingan peribadi</li> <li>• mendukung dasar-dasar dan aspirasi kerajaan</li> <li>• mempamerkan kesetiaan kepada negara</li> </ul>

RUBRIK				
CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	MEMUASKAN	LEMAH
5	4	3	2	1
Mengetahui, dan memahami etika kerja yang berkaitan serta mempamerkan tingkah laku beretika dengan konsisten.	Mengetahui dan memahami etika kerja yang berkaitan serta mempamerkan tingkah laku beretika.	Mengetahui dan memahami etika kerja yang berkaitan tetapi kurang mempamerkan tingkah laku beretika.	Kurang mengetahui dan kurang memahami etika kerja yang berkaitan serta kurang mempamerkan tingkah laku beretika.	Kurang mengetahui dan kurang memahami etika kerja yang berkaitan serta tidak mempamerkan tingkah laku beretika.
HURAIAN				
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sentiasa dapat menerangkan etika kerja PPP dengan jelas dan tepat.</li> <li>• Sentiasa mempamerkan tingkah laku beretika dan berketerampilan sesuai dengan tugas dan tempat bertugas seperti melaksanakan tugas dengan amanah, komitmen dalam tugas, cara berpakaian, tidak berpihak kepada mana-mana parti politik, berintegriti, mampu menjadi suri teladan kepada rakan sekerja/ pelanggan, dan lain-lain.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dapat menerangkan etika kerja PPP dengan jelas.</li> <li>• Mempamerkan tingkah laku beretika dan berketerampilan sesuai dengan tugas dan tempat bertugas seperti melaksanakan tugas dengan amanah, komitmen dalam tugas, cara berpakaian, tidak berpihak kepada mana-mana parti politik, berintegriti, mampu menjadi suri teladan kepada rakan sekerja/ pelanggan, dan lain-lain tetapi tidak secara berterusan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dapat menerangkan etika kerja PPP dengan jelas.</li> <li>• Jarang-jarang dapat mempamerkan tingkah laku beretika dan berketerampilan sesuai dengan tugas dan tempat bertugas seperti melaksanakan tugas dengan amanah, komitmen dalam tugas, cara berpakaian, tidak berpihak kepada mana-mana parti politik, berintegriti, mampu menjadi suri teladan kepada rakan sekerja/ pelanggan, dan lain-lain.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang dapat menerangkan etika kerja PPP dengan jelas.</li> <li>• Jarang-jarang dapat mempamerkan tingkah laku beretika dan berketerampilan sesuai dengan tugas dan tempat bertugas seperti melaksanakan tugas dengan amanah, komitmen dalam tugas, cara berpakaian, tidak berpihak kepada mana-mana parti politik, berintegriti, mampu menjadi suri teladan kepada rakan sekerja/ pelanggan, dan lain-lain.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang dapat menerangkan etika kerja PPP dengan jelas.</li> <li>• Tidak dapat mempamerkan tingkah laku beretika dan berketerampilan sesuai dengan tugas dan tempat bertugas seperti melaksanakan tugas dengan amanah, komitmen dalam tugas, cara berpakaian, tidak berpihak kepada mana-mana parti politik, berintegriti, mampu menjadi suri teladan kepada rakan sekerja/ pelanggan, dan lain-lain.</li> </ul>

**CATATAN:**



**ASPEK A1.2: HUBUNGAN DENGAN PELANGGAN**

**HURAIAN**

- Interaksi dua hala (*interpersonal*) antara pegawai dengan pelanggan yang berkaitan yang memberi impak kepada pelanggan dan organisasi dengan bidang tugasnya.
  - Interaksi merujuk semua bentuk hubungan seperti perbualan bersemuka, panggilan telefon, e-mel dan bentuk-bentuk hubungan profesional dan rasmi yang lain.
  - Pelanggan ialah murid, ibu bapa, guru, pegawai-pegawai PPD, JPN dan KPM serta orang awam yang berurusan dengan organisasi KPM.

**DESKRIPSI & HURAIAN**

**• Keupayaan pegawai untuk mewujudkan hubungan yang positif dengan pelanggan**

- berinteraksi secara positif dengan pelanggan untuk menyempurnakan tugas dalam bidang kerjanya.
- menjaga nama baik pelanggan dan organisasi.
- contoh:
  - Kesantunan
  - Kemesraan
  - Adil
  - Hormat-menghormati
  - Percaya-mempercayai
  - Tahap jangkaan yang tinggi
  - Segera mengambil tindakan

**KAEDAH PENILAIAN & HURAIAN**

**Samakan Bahan**

Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:

- E-mel
- surat
- memo
- media sosial
- foto
- video
- keratan akhbar
- bahan-bahan lain

**Temu Bual**

Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:

- Bagaimanakah anda melayan pelanggan?

**Pemerhatian**

Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:

- Memberi perhatian/ tumpuan tanpa mendiskriminasikan pelanggan
- Menerima pandangan dan menegur pelanggan secara berhemah
- Kesanggupan pegawai untuk bekerja lebih masa
- Perkara-perkara lain yang berkaitan

RUBRIK				
CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	MEMUASKAN	LEMAH
5	4	3	2	1
Mempamerkan interaksi dua hala secara positif dengan pelanggan dan menjaga nama baik pelanggan/ organisasi secara konsisten.	Mempamerkan interaksi dua hala secara positif dengan pelanggan dan menjaga nama baik pelanggan/ organisasi.	Mempamerkan interaksi dua hala secara positif dengan pelanggan tetapi kurang menjaga nama baik pelanggan/ organisasi.	Kurang mempamerkan interaksi dua hala secara positif dengan pelanggan dan kurang menjaga nama baik pelanggan/ organisasi.	Kurang mempamerkan interaksi dua hala secara positif dengan pelanggan dan tidak menjaga nama baik pelanggan/ organisasi.
HURAIAN				
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sentiasa mewujudkan hubungan yang positif dengan pelanggan melalui pelbagai cara seperti e-mel/ surat/ memo/ video/ keratan akhbar/ media lain yang sesuai.</li> <li>• Sentiasa mempraktik kemahiran berkongsi maklumat yang sesuai dengan pelanggan dalam pelbagai situasi.</li> <li>• Sentiasa mewujudkan suasana yang mesra ketika berurusan dengan pelanggan dan menjaga nama baik organisasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan hubungan yang positif dengan pelanggan melalui pelbagai cara seperti e-mel/ surat/ memo/ video/ keratan akhbar/ media lain yang sesuai tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Mempraktik kemahiran berkongsi maklumat yang sesuai dengan pelanggan dalam pelbagai situasi tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Mewujudkan suasana yang mesra ketika berurusan dengan pelanggan dan menjaga nama baik organisasi situasi tetapi tidak secara berterusan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan hubungan yang positif dengan pelanggan melalui pelbagai cara seperti e-mel/ surat/ memo/ video/ keratan akhbar/ media lain yang sesuai tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Mempraktik kemahiran berkongsi maklumat yang sesuai dengan pelanggan dalam pelbagai situasi tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Jarang-jarang dapat mewujudkan suasana yang mesra ketika berurusan dengan pelanggan dan menjaga nama baik organisasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang mewujudkan hubungan yang positif dengan pelanggan melalui pelbagai cara seperti e-mel/ surat/ memo/ video/ keratan akhbar/ media lain yang sesuai.</li> <li>• Jarang-jarang dapat mempraktik kemahiran berkongsi maklumat yang sesuai dengan pelanggan dalam pelbagai situasi.</li> <li>• Jarang-jarang dapat mewujudkan suasana yang mesra ketika berurusan dengan pelanggan dan menjaga nama baik organisasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang mewujudkan hubungan yang positif dengan pelanggan melalui pelbagai cara seperti e-mel/ surat/ memo/ video/ keratan akhbar/ media lain yang sesuai.</li> <li>• Jarang-jarang dapat mempraktik kemahiran berkongsi maklumat yang sesuai dengan pelanggan dalam pelbagai situasi.</li> <li>• Tidak dapat mewujudkan suasana yang mesra ketika berurusan dengan pelanggan dan menjaga nama baik organisasi.</li> </ul>

**CATATAN:**

## E2 SAHSIAH

<b>ASPEK A2.1: MENGUTAMAKAN PENCAPAIAN</b>
<b>HURAIAN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan komitmen dan menunjukkan sikap profesional dalam menyelesaikan tugas.</li> </ul>

<b>DESKRIPSI &amp; HURAIAN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Keupayaan pegawai untuk menunjukkan kesungguhan untuk mencapai matlamat dan prihatin akan kecekapan serta kecemerlangan penyampaian perkhidmatan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- menunjukkan kesungguhan dalam mencapai matlamat</li> <li>- menunjukkan keprihatinan tentang kecekapan dan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan</li> <li>- berusaha dalam mencapai matlamat</li> <li>- menyelesaikan tugas dengan kesungguhan yang tinggi</li> </ul> </li> </ul>

<b>KAEDAH PENILAIAN &amp; HURAIAN</b>
<b>Samakan Bahan</b>
<p>Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• surat arahan/ memo</li> <li>• dokumen program/ latihan</li> <li>• kertas maklum balas berkaitan sesuatu arahan</li> <li>• bahan-bahan lain yang sesuai</li> </ul>
<b>Pemerhatian</b>
<p>Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• komitmen</li> <li>• konsisten</li> <li>• bertanggungjawab</li> <li>• prihatin</li> <li>• berusaha</li> <li>• nilai-nilai murni lain yang berkaitan</li> </ul>

RUBRIK				
CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	MEMUASKAN	LEMAH
5	4	3	2	1
Mempamerkan kesungguhan dalam menyelesaikan tugas serta menunjukkan sikap yang positif ke arah pencapaian matlamat secara konsisten.	Mempamerkan kesungguhan dalam menyelesaikan tugas dan menunjukkan sikap yang positif ke arah pencapaian matlamat.	Mempamerkan kesungguhan dalam menyelesaikan tugas tetapi kurang menunjukkan sikap yang positif ke arah pencapaian matlamat.	Kurang mempamerkan kesungguhan dalam menyelesaikan tugas dan kurang menunjukkan sikap ke arah pencapaian matlamat.	Kurang mempamerkan kesungguhan dalam menyelesaikan tugas dan tidak menunjukkan sikap ke arah pencapaian matlamat.
HURAIAN				
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sentiasa menunjukkan komitmen tinggi dalam menyelesaikan tugas.</li> <li>• Sentiasa mencari peluang dalam sebarang halangan.</li> <li>• Sentiasa berusaha/ melihat jalan menyelesaikan sebarang masalah.</li> <li>• Sentiasa melakukan lebih daripada keperluan dan memberi kepuasan kepada diri serta meningkatkan kredibiliti.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menunjukkan komitmen tinggi dalam menyelesaikan tugas tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Mencari peluang dalam sebarang halangan tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Berusaha/ melihat jalan menyelesaikan sebarang masalah tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Melakukan lebih daripada keperluan dan memberi kepuasan kepada diri serta meningkatkan kredibiliti tetapi tidak secara berterusan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menunjukkan komitmen tinggi dalam menyelesaikan tugas tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Mencari peluang dalam sebarang halangan tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Jarang-jarang berusaha/ melihat jalan menyelesaikan sebarang masalah.</li> <li>• Jarang-jarang dapat melakukan lebih daripada keperluan dan memberi kepuasan kepada diri serta meningkatkan kredibiliti.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang menunjukkan komitmen tinggi dalam menyelesaikan tugas.</li> <li>• Jarang-jarang mencari peluang dalam sebarang halangan.</li> <li>• Jarang-jarang berusaha/ melihat jalan menyelesaikan sebarang masalah.</li> <li>• Jarang-jarang dapat melakukan lebih daripada keperluan dan memberi kepuasan kepada diri serta meningkatkan kredibiliti.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang menunjukkan komitmen tinggi dalam menyelesaikan tugas.</li> <li>• Jarang-jarang mencari peluang dalam sebarang halangan.</li> <li>• Tidak berusaha/ melihat jalan menyelesaikan sebarang masalah.</li> <li>• Tidak dapat melakukan lebih daripada keperluan dan memberi kepuasan kepada diri serta meningkatkan kredibiliti.</li> </ul>

**CATATAN:**

<b>ASPEK A2.2: KEPANTASAN BERTINDAK</b>
<b>HURAIAN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebolehan untuk menyelesaikan tugas sebelum tempoh yang ditetapkan bagi mencapai hasil/ objektif.</li> </ul>

<b>DESKRIPSI &amp; HURAIAN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Keupayaan pegawai untuk melaksanakan sesuatu arahan/ program/ sasaran kerja yang ditetapkan dengan segera</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- bertindak dengan berkesan dalam menyelesaikan tugas mengikut sasaran kerja dan sebelum tempoh masa yang ditetapkan</li> <li>- dapat mengambil tindakan yang sesuai dalam menyelesaikan tugas/ kerja dengan pantas.</li> <li>- dapat menyelesaikan tugas/ kerja sebelum tempoh yang ditetapkan tanpa impak negatif kepada hasil/ objektif.</li> </ul> </li> </ul>

<b>KAEDAH PENILAIAN &amp; HURAIAN</b>
<b>Semakan Bahan</b>
<p>Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• audio</li> <li>• video</li> <li>• bahan bercetak</li> <li>• bahan-bahan lain yang sesuai</li> </ul>
<b>Temu Bual</b>
<p>Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berapa lamakah masa yang diambil untuk menyelesaikan tugas yang diberikan?</li> </ul>
<b>Pemerhatian</b>
<p>Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemerhatian secara langsung berkaitan usaha-usaha yang dilakukan bagi menyelesaikan tugas</li> </ul>

RUBRIK				
CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	MEMUASKAN	LEMAH
5	4	3	2	1
Berkebolehan untuk menyelesaikan tugas sebelum tempoh yang ditetapkan dan menepati sasaran kerja yang ditetapkan secara konsisten.	Berkebolehan untuk menyelesaikan tugas sebelum tempoh yang ditetapkan dan menepati sasaran kerja yang ditetapkan.	Berkebolehan untuk menyelesaikan tugas sebelum tempoh yang ditetapkan dan kurang menepati sasaran kerja yang ditetapkan.	Kurang berkebolehan untuk menyelesaikan tugas sebelum tempoh yang ditetapkan dan kurang menepati sasaran kerja yang ditetapkan.	Kurang berkebolehan untuk menyelesaikan tugas sebelum tempoh yang ditetapkan dan tidak menepati sasaran kerja yang ditetapkan.
HURAIAN				
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sentiasa mengambil tindakan yang relevan untuk menyelesaikan tugas sebelum tempoh yang ditetapkan.</li> <li>• Sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya tanpa disuruh/ melengahkan masa dalam melaksanakan/ menyelesaikan tugas.</li> <li>• Sentiasa melaksanakan tugas yang memberi impak kepada organisasi.</li> <li>• Sentiasa melaksanakan tugas dengan pantas dan menepati menepati standard kualiti.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengambil tindakan yang relevan untuk menyelesaikan tugas sebelum tempoh yang ditetapkan tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Mengambil tindakan yang sewajarnya tanpa disuruh/ melengahkan masa dalam melaksanakan/ menyelesaikan tugas tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Melaksanakan tugas yang memberi impak kepada organisasi tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Melaksanakan tugas dengan pantas dan menepati menepati standard kualiti tetapi tidak secara berterusan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengambil tindakan yang relevan untuk menyelesaikan tugas sebelum tempoh yang ditetapkan tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Mengambil tindakan yang sewajarnya tanpa disuruh/ melengahkan masa dalam melaksanakan/ menyelesaikan tugas tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Jarang-jarang dapat melaksanakan tugas yang memberi impak kepada organisasi.</li> <li>• Jarang-jarang dapat melaksanakan tugas dengan pantas dan menepati menepati standard kualiti.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang dapat mengambil tindakan yang relevan untuk menyelesaikan tugas sebelum tempoh yang ditetapkan.</li> <li>• Jarang-jarang dapat mengambil tindakan yang sewajarnya tanpa disuruh/ melengahkan masa dalam melaksanakan/ menyelesaikan tugas.</li> <li>• Jarang-jarang dapat melaksanakan tugas yang memberi impak kepada organisasi.</li> <li>• Jarang-jarang dapat melaksanakan tugas dengan pantas dan menepati menepati standard kualiti.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang dapat mengambil tindakan yang relevan untuk menyelesaikan tugas sebelum tempoh yang ditetapkan.</li> <li>• Jarang-jarang dapat mengambil tindakan yang sewajarnya tanpa disuruh/ melengahkan masa dalam melaksanakan/ menyelesaikan tugas.</li> <li>• Tidak dapat melaksanakan tugas yang memberi impak kepada organisasi.</li> <li>• Tidak dapat melaksanakan tugas dengan pantas dan menepati menepati standard kualiti.</li> </ul>

**CATATAN:**

**ASPEK A2.3: KEMATANGAN EMOSI DAN KEYAKINAN DIRI**

**HURAIAN**

- Mengurus perasaan, fikiran dan mempunyai keyakinan diri dalam mengawal tindakan semasa menjalankan tugas.

**DESKRIPSI & HURAIAN**

- **Keupayaan pegawai untuk memahami emosi diri sendiri dan individu lain serta menggunakan pemahaman tersebut untuk kebaikan organisasi**
  - memanipulasikan emosi diri sendiri dan individu lain untuk meningkatkan keyakinan serta tindakan demi kebaikan organisasi semasa menjalankan tugas
- **Keupayaan pegawai untuk mempercayai kebolehan diri sendiri untuk melaksanakan tugas dan memilih tindakan yang berkesan bagi sebarang tugas atau masalah**
  - mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan berupaya memilih kaedah yang berkesan dalam menyelesaikan tugas dan masalah
  - berupaya membuat keputusan yang tepat berkaitan tugas dan masalah

**KAEDAH PENILAIAN & HURAIAN**

**Pemerhatian**

Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:

- berfikiran terbuka apabila berinteraksi
- tenang
- asertif (melahirkan tindakan dan perasaan secara jujur, terus terang dan ikhlas tanpa mencabuli hak orang lain)
- rasional
- sabar
- dan lain-lain

RUBRIK				
CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	MEMUASKAN	LEMAH
5	4	3	2	1
Mempamerkan kematangan emosi dan keyakinan diri yang tinggi semasa melaksanakan tugas secara konsisten.	Mempamerkan kematangan emosi dan keyakinan diri yang tinggi semasa melaksanakan tugas.	Mempamerkan kematangan emosi tetapi kurang keyakinan diri yang tinggi semasa melaksanakan tugas	Kurang mempamerkan kematangan emosi dan kurang keyakinan diri yang tinggi semasa melaksanakan tugas.	Kurang mempamerkan kematangan emosi dan tidak ada keyakinan diri semasa melaksanakan tugas.
HURAIAN				
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sentiasa merancang dan menyediakan pelan intervensi yang berfokus terhadap isu yang dikenal pasti serta mengandungi objektif yang jelas bagi setiap kes yang dikendalikan.</li> <li>• Sentiasa merancang pemilihan pendekatan intervensi/ rehabilitasi dan instrumen/ bahan/ alatan khas yang bersesuaian bagi setiap kes yang dikendalikan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang dan menyediakan pelan intervensi yang berfokus terhadap isu yang dikenal pasti serta mengandungi objektif yang jelas bagi setiap kes yang dikendalikan tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Merancang pemilihan pendekatan intervensi/ rehabilitasi dan instrumen/ bahan/ alatan khas yang bersesuaian bagi setiap kes yang dikendalikan tetapi tidak secara berterusan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang dan menyediakan pelan intervensi yang berfokus terhadap isu yang dikenal pasti serta mengandungi objektif yang jelas bagi setiap kes yang dikendalikan tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Jarang-jarang dapat merancang pemilihan pendekatan intervensi/ rehabilitasi dan instrumen/ bahan/ alatan khas yang bersesuaian bagi setiap kes yang dikendalikan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang dapat merancang dan menyediakan pelan intervensi yang berfokus terhadap isu yang dikenal pasti serta mengandungi objektif yang jelas bagi setiap kes yang dikendalikan.</li> <li>• Jarang-jarang dapat merancang pemilihan pendekatan intervensi/ rehabilitasi dan instrumen/ bahan/ alatan khas yang bersesuaian bagi setiap kes yang dikendalikan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang dapat merancang dan menyediakan pelan intervensi yang berfokus terhadap isu yang dikenal pasti serta mengandungi objektif yang jelas bagi setiap kes yang dikendalikan.</li> <li>• Tidak dapat merancang pemilihan pendekatan intervensi/ rehabilitasi dan instrumen/ bahan/ alatan khas yang bersesuaian bagi setiap kes yang dikendalikan.</li> </ul>

**CATATAN:**

## E2 PELAKSANAAN

**ASPEK A2.1: PENGENDALIAN SESI PENILAIAN/ INTERVENSI/ REHABILITASI****HURAIAN**

- Pelaksanaan merujuk kepada proses yang melibatkan aspek pengendalian, penggunaan peralatan, kemahiran komunikasi, dan konsultasi bagi menjayakan sesi penilaian/ intervensi/ rehabilitasi yang dirancang.
- Pengendalian sesi penilaian/ intervensi/ rehabilitasi ialah kaedah pengurusan aktiviti yang dirancang mengikut keperluan permasalahan/ ketidakupayaan klien. Pengendalian sesi hendaklah tersusun, lancar, dan mengikut pelan intervensi.

**DESKRIPSI & HURAIAN**

- **Keupayaan pegawai untuk membina hubungan (*rapport*) dengan klien**

- hubungan (*rapport*) ialah usaha membina hubungan dan persefahaman yang lebih harmoni dan menunjukkan sifat empati kepada klien bagi mewujudkan komunikasi yang lebih berkesan. Kemahiran yang diperlukan dalam hubungan (*rapport*) ialah kemahiran mendengar secara aktif, penggunaan komunikasi tidak verbal (isyarat tubuh dan ekspresi wajah), dan menunjukkan kepekaan yang tinggi terhadap keadaan klien.

- **Keupayaan pegawai untuk memastikan kesediaan klien**

- mengenal pasti dan mengawal tingkah laku, persekitaran, emosi, dan fizikal klien secara berkesan dan selamat bagi meningkatkan minat klien agar terlibat secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan mengikut peruntukan masa yang ditetapkan

- **Keupayaan pegawai untuk menjalankan penilaian terhadap klien**

- memilih dan menjalankan penilaian yang bersesuaian dengan klien mengikut prosedur dalam bidang khusus

- **Keupayaan pegawai untuk melaksanakan aktiviti intervensi/ rehabilitasi mengikut sesi yang dirancang**

- Kekerapan sesi intervensi/ rehabilitasi mengikut keperluan klien dan persetujuan ibu bapa/ penjaga

**KAEDAH PENILAIAN & HURAIAN****Samakan Bahan**

Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:

- buku log klien (tarikh dan masa kedatangan, nama klien, nama pegawai terlibat, dan tandatangan ibu bapa/ penjaga)
- fail klien (borang janji temu, borang pendaftaran, surat kebenaran ibu bapa, pelan dan laporan intervensi/ rehabilitasi, laporan doktor, laporan penilaian, dan lain-lain)
- bahan/ alatan khas (senarai bahan yang dipilih dalam pelan intervensi)
- dokumen-dokumen lain yang berkaitan

**Pencerapan**

Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:

- manual pencerapan  
contoh item seperti persediaan dan perancangan, pengendalian sesi, pematuhan prosedur, kemahiran penggunaan teknik dan pendekatan intervensi, tingkah laku dan respons klien, sahsiah diri, dan lain-lain.
- dokumen-dokumen lain yang berkaitan

RUBRIK				
CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	MEMUASKAN	LEMAH
5	4	3	2	1
Mempamerkan kemahiran mengendalikan sesi yang dirancang dan dapat mengendali sesi penilaian dengan berkesan secara konsisten.	Mempamerkan kemahiran mengendalikan sesi yang dirancang dan dapat mengendali sesi penilaian dengan berkesan.	Mempamerkan kemahiran mengendalikan sesi yang dirancang tetapi kurang dapat mengendali sesi penilaian dengan berkesan.	Kurang mempamerkan kemahiran mengendalikan sesi yang dirancang dan kurang dapat mengendali sesi penilaian dengan berkesan.	Kurang mempamerkan kemahiran mengendalikan sesi yang dirancang dan tidak dapat mengendali sesi penilaian dengan berkesan.
HURAIAN				
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sentiasa melaksanakan sesi yang dirancang dan dapat membina <i>rapport</i> dengan klien.</li> <li>• Sentiasa memastikan kesediaan klien dalam setiap sesi yang dikendalikan.</li> <li>• Sentiasa mengendalikan sesi penilaian/ sesi intervensi/ rehabilitasi yang dijalankan mengikut pelan intervensi dengan tersusun, lancar, dan memberi impak tinggi kepada perkembangan klien.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan sesi yang dirancang dan dapat membina <i>rapport</i> dengan klien tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Memastikan kesediaan klien dalam setiap sesi yang dikendalikan tetapi tidak secara berterusan</li> <li>• Mengendalikan sesi penilaian/ sesi intervensi/ rehabilitasi yang dijalankan mengikut pelan intervensi dengan tersusun, lancar, dan memberi impak tinggi kepada perkembangan klien tetapi tidak secara berterusan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan sesi yang dirancang dan dapat membina <i>rapport</i> dengan klien tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Memastikan kesediaan klien dalam setiap sesi yang dikendalikan tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Jarang-jarang dapat mengendalikan sesi penilaian/ sesi intervensi/ rehabilitasi yang dijalankan mengikut pelan intervensi dengan tersusun, lancar, dan memberi impak tinggi kepada perkembangan klien.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang dapat melaksanakan sesi yang dirancang dan dapat membina <i>rapport</i> dengan klien.</li> <li>• Jarang-jarang dapat memastikan kesediaan klien dalam setiap sesi yang dikendalikan.</li> <li>• Jarang-jarang dapat mengendalikan sesi penilaian/ sesi intervensi/ rehabilitasi yang dijalankan mengikut pelan intervensi dengan tersusun, lancar, dan memberi impak tinggi kepada perkembangan klien.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang dapat melaksanakan sesi yang dirancang dan dapat membina <i>rapport</i> dengan klien.</li> <li>• Jarang-jarang dapat memastikan kesediaan klien dalam setiap sesi yang dikendalikan.</li> <li>• Tidak dapat mengendalikan sesi penilaian/ sesi intervensi/ rehabilitasi yang dijalankan mengikut pelan intervensi dengan tersusun, lancar, dan memberi impak tinggi kepada perkembangan klien.</li> </ul>

CATATAN:

**ASPEK A2.1: PENGGUNAAN INSTRUMEN/ BAHAN/ ALATAN KHAS INTERVENSI/ REHABILITASI****HURAIAN**

- Kebolehan pegawai dalam menggunakan alatan khas/ bahan bantu penilaian dan intervensi mengikut bidang khusus.

**DESKRIPSI & HURAIAN**

- **Keupayaan pegawai untuk memilih instrumen/ bahan/ alatan khas**

- pegawai audiologi menggunakan audiometer untuk membuat penilaian pendengaran.
- pegawai psikologi menggunakan instrumen *Test of Nonverbal Intelligence* (TONI-4) untuk penilaian kognitif klien.
- pegawai terapi pertuturan dan bahasa menggunakan MPLAT (*Malay Preschool Language Assessment Tool*) untuk menilai tahap perkembangan bahasa kanak-kanak.
- pegawai terapi carakerja menggunakan *Shore Handwriting Screening* untuk penilaian kemahiran menulis.
- pegawai peripatetik menggunakan Instrumen Menentu Penempatan Murid Berkeperluan Khas (IMPak 4-6) untuk menentukan tahap dan penempatan murid di sekolah.

- **Keupayaan pegawai untuk menggunakan instrumen/ bahan/ alatan khas**

- bahan/ alatan khas yang digunakan menarik, sesuai, selamat, berkesan, dan membantu mengesan atau meminimumkan impak permasalahan/ ketidakupayaan klien.

**KAEDAH PENILAIAN & HURAIAN****Semakan Bahan**

Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:

- jenis bahan/ alat intervensi/ rehabilitasi yang digunakan

**Pencerapan**

Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:

- instrumen/ bahan/ alatan digunakan secara optimum dan sesuai dengan klien semasa sesi dijalankan
- manual pencerapan
- dokumen-dokumen lain yang berkaitan

<b>RUBRIK</b>				
<b>CEMERLANG</b>	<b>BAIK</b>	<b>SEDERHANA</b>	<b>MEMUASKAN</b>	<b>LEMAH</b>
<b>5</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>1</b>
Mempamerkan kemahiran memilih instrumen/ bahan/ alatan dengan betul dan mahir menggunakannya secara konsisten.	Mempamerkan kemahiran memilih instrumen/ bahan/ alatan dengan betul dan mahir menggunakannya.	Mempamerkan kemahiran memilih instrumen/ bahan/ alatan dengan betul tetapi kurang mahir menggunakannya.	Kurang mempamerkan kemahiran memilih instrumen/ bahan/ alatan dengan betul dan kurang mahir menggunakannya.	Kurang mempamerkan kemahiran memilih instrumen/ bahan/ alatan dengan betul dan tidak mahir menggunakannya.
<b>HURAIAN</b>				
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sentiasa memilih instrumen/ bahan/ alatan yang bersesuaian bagi setiap kes yang dikendalikan.</li> <li>• Sentiasa menggunakan instrumen/ bahan/ alatan dengan betul dalam setiap kes yang dikendalikan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memilih instrumen/ bahan/ alatan yang bersesuaian bagi setiap kes yang dikendalikan tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Menggunakan instrumen/ bahan/ alatan dengan betul dalam setiap kes yang dikendalikan tetapi tidak secara berterusan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memilih instrumen/ bahan/ alatan yang bersesuaian bagi setiap kes yang dikendalikan tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Jarang-jarang dapat menggunakan instrumen/ bahan/ alatan dengan betul dalam setiap kes yang dikendalikan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang dapat memilih instrumen/ bahan/ alatan yang bersesuaian bagi setiap kes yang dikendalikan.</li> <li>• Jarang-jarang dapat menggunakan instrumen/ bahan/ alatan dengan betul dalam setiap kes yang dikendalikan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang dapat memilih instrumen/ bahan/ alatan yang bersesuaian bagi setiap kes yang dikendalikan.</li> <li>• Tidak dapat menggunakan instrumen/ bahan/ alatan dengan betul dalam setiap kes yang dikendalikan.</li> </ul>

**CATATAN:**

**ASPEK A2.3: KEMAHIRAN KOMUNIKASI****HURAIAN**

- Kemahiran pegawai menyampaikan maklumat kepada klien, rakan sekerja, dan pihak berkepentingan dengan menggunakan bahasa yang jelas.

**DESKRIPSI & HURAIAN**

- **Keupayaan pegawai untuk berkomunikasi dengan klien, rakan sekerja, dan pihak berkepentingan**

- komunikasi yang berkesan:
  - i. Menggunakan bahasa yang jelas, mudah difahami, dan tepat mengikut permasalahan/ ketidakupayaan klien dengan rakan sekerja dan pihak berkepentingan.
  - ii. Menyampaikan maklumat dengan efisien agar mencapai hubungan interpersonal yang dikehendaki.
  - iii. Mempunyai perasaan empati iaitu memahami situasi klien/ keluarga klien daripada perspektif mereka dan tidak bersikap prejudis terhadap mana-mana pihak.

- **Keupayaan pegawai untuk memberikan maklum balas**

- mempunyai kemahiran mendengar dan memberikan maklum balas yang relevan secara lisan atau bukan lisan dengan berkesan serta mempamerkan kepekaan dan mampu membuat pertimbangan sewajarnya

**KAEDAH PENILAIAN & HURAIAN****Pemerhatian**

Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:

- semasa sesi intervensi/ konsultasi
- semasa perbincangan dengan rakan sekerja dan pihak berkepentingan
- video yang telah direkod semasa sesi intervensi/ konsultasi

RUBRIK				
CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	MEMUASKAN	LEMAH
5	4	3	2	1
Mempamerkan kemahiran komunikasi dan dapat memberikan maklum balas dengan berkesan secara konsisten.	Mempamerkan kemahiran komunikasi dan dapat memberikan maklum balas dengan berkesan.	Mempamerkan kemahiran komunikasi berkesan tetapi kurang dapat memberikan maklum balas dengan berkesan.	Kurang mempamerkan kemahiran komunikasi dan kurang dapat memberikan maklum balas dengan berkesan.	Kurang mempamerkan kemahiran komunikasi dan tidak dapat memberikan maklum balas dengan berkesan.
HURAIAN				
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sentiasa berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang jelas, menyampaikan maklumat dengan efisien, dan mempunyai perasaan empati.</li> <li>• Sentiasa memberi maklum balas yang menepati, memenuhi kehendak dan keperluan klien serta pihak berkepentingan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang jelas, menyampaikan maklumat dengan efisien, dan mempunyai perasaan empati tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Memberi maklum balas yang menepati, memenuhi kehendak dan keperluan klien serta pihak berkepentingan tetapi tidak secara berterusan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang jelas, menyampaikan maklumat dengan efisien, dan mempunyai perasaan empati tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Jarang-jarang dapat memberi maklum balas yang menepati, memenuhi kehendak dan keperluan klien serta pihak berkepentingan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang dapat berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang jelas, menyampaikan maklumat dengan efisien, dan mempunyai perasaan empati.</li> <li>• Jarang-jarang dapat memberi maklum balas yang menepati, memenuhi kehendak dan keperluan klien serta pihak berkepentingan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang dapat berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang jelas, menyampaikan maklumat dengan efisien, dan mempunyai perasaan empati.</li> <li>• Tidak dapat memberi maklum balas yang menepati, memenuhi kehendak dan keperluan klien serta pihak berkepentingan.</li> </ul>

CATATAN:

**ASPEK A2.4: KONSULTASI****HURAIAN**

- Memberi khidmat nasihat dan khidmat bantu mengikut bidang khusus kepada ibu bapa, penjaga, guru, Pembantu Pengurusan Murid (PPM), dan bidang profesional yang lain.

**DESKRIPSI & HURAIAN**

- **Keupayaan pegawai untuk memberi khidmat nasihat atau khidmat bantu bidang khusus kepada pihak berkepentingan**

- memberi khidmat nasihat atau khidmat bantu kepada ibu bapa/ penjaga, guru, Pembantu Pengurusan Murid (PPM), dan bidang profesional yang lain
  - Khidmat nasihat mengenai cara/ kaedah menjalankan aktiviti yang bersesuaian bagi membantu kanak-kanak/ MBK di rumah atau di sekolah.
  - Khidmat nasihat mengenai cadangan penempatan sekolah mengikut keupayaan klien.
  - Khidmat nasihat mengenai rujukan kepada bidang profesional yang lain.
  - Khidmat bantu kepada guru bagi pengurusan kelas, strategi pendekatan pembelajaran dan pengajaran (PdP), akomodasi, dan adaptasi dalam bilik darjah bagi membolehkan murid mengikuti pembelajaran dengan lebih berkesan.

- **Keupayaan pegawai untuk merekodkan khidmat nasihat atau khidmat bantu**

- merekodkan khidmat nasihat atau khidmat bantu kepada pihak berkepentingan seperti ibu bapa/ penjaga, guru, PPM, dan bidang profesional yang lain

**KAEDAH PENILAIAN & HURAIAN****Semakan Bahan**

Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:

- laporan sesi konsultasi

**Pemerhatian**

Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:

- kemampuan memberi khidmat nasihat bidang khusus menggunakan bahasa yang difahami dan sesuai.



<b>RUBRIK</b>				
<b>CEMERLANG</b>	<b>BAIK</b>	<b>SEDERHANA</b>	<b>MEMUASKAN</b>	<b>LEMAH</b>
<b>5</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>1</b>
Mempamerkan kemahiran memberi khidmat nasihat/ khidmat bantu kepada klien dan menyediakan rekod yang sistematik secara konsisten.	Mempamerkan kemahiran memberi khidmat nasihat/ khidmat bantu kepada klien dan menyediakan rekod yang sistematik.	Mempamerkan kemahiran memberi khidmat nasihat/ khidmat bantu kepada klien tetapi kurang menyediakan rekod yang sistematik.	Kurang mempamerkan kemahiran memberi khidmat nasihat/ khidmat bantu kepada klien dan kurang menyediakan rekod yang sistematik.	Kurang mempamerkan kemahiran memberi khidmat nasihat/ khidmat bantu kepada klien dan tidak menyediakan rekod yang sistematik.
<b>HURAIAN</b>				
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sentiasa memberikan khidmat nasihat/ khidmat bantu yang jelas dan tepat untuk dijadikan sebagai panduan serta bimbingan bagi permasalahan klien.</li> <li>• Sentiasa merekod khidmat nasihat/ khidmat bantu dalam format yang ditetapkan.</li> <li>• Sentiasa memastikan dokumen rekod/ fail khidmat nasihat/ bantu tersusun dan mudah diakses.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan khidmat nasihat/ khidmat bantu yang jelas dan tepat untuk dijadikan sebagai panduan serta bimbingan bagi permasalahan klien tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Merekod khidmat nasihat/ khidmat bantu dalam format yang ditetapkan tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Memastikan dokumen rekod/ fail khidmat nasihat/ bantu tersusun dan mudah diakses tetapi tidak secara berterusan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan khidmat nasihat/ khidmat bantu yang jelas dan tepat untuk dijadikan sebagai panduan serta bimbingan bagi permasalahan klien tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Jarang-jarang merekod khidmat nasihat/ khidmat bantu dalam format yang ditetapkan.</li> <li>• Jarang-jarang memastikan dokumen rekod/ fail khidmat nasihat/ bantu tersusun dan mudah diakses.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang memberikan khidmat nasihat/ khidmat bantu yang jelas dan tepat untuk dijadikan sebagai panduan serta bimbingan bagi permasalahan klien.</li> <li>• Jarang-jarang merekod khidmat nasihat/ khidmat bantu dalam format yang ditetapkan.</li> <li>• Jarang-jarang memastikan dokumen rekod/ fail khidmat nasihat/ bantu tersusun dan mudah diakses.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang memberikan khidmat nasihat/ khidmat bantu yang jelas dan tepat untuk dijadikan sebagai panduan serta bimbingan bagi permasalahan klien.</li> <li>• Tidak merekod khidmat nasihat/ khidmat bantu dalam format yang ditetapkan.</li> <li>• Tidak memastikan dokumen rekod/ fail khidmat nasihat/ bantu tersusun dan mudah diakses.</li> </ul>

**CATATAN:**

## E3 PENILAIAN

**ASPEK A3.1: PENILAIAN SESI INTERVENSI/ REHABILITASI****HURAIAN**

- Penilaian merujuk kepada proses untuk menilai dan membuat keputusan mengikut bidang khusus mengenai pendekatan yang sesuai untuk digunakan bagi mencapai matlamat sesi yang telah dilaksanakan.

**DESKRIPSI & HURAIAN**

- **Keupayaan pegawai untuk menjalankan penilaian keberkesanan sesi intervensi/ rehabilitasi**

- kaedah penilaian yang dijalankan sama ada interpretasi data, pemerhatian, mengemukakan soalan, ujian semula, temu bual atau penggunaan alat penilaian
- penilaian melibatkan aspek keberkesanan intervensi/ rehabilitasi yang dilakukan, rumusan kesesuaian pendekatan intervensi/ rehabilitasi yang digunakan, dan tindakan susulan (meneruskan/ menukar pendekatan)

- **Keupayaan pegawai untuk membuat keputusan dan tindakan susulan berdasarkan dapatan penilaian**

- mengenal pasti pencapaian klien
- mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sesi
- menentukan keperluan klien bagi meningkatkan potensi diri dan kualiti hidup
- mengenal pasti tindakan susulan seperti meneruskan sesi intervensi secara berkala, menamatkan sesi intervensi atau membuat rujukan kepada bidang profesional yang lain

**KAEDAH PENILAIAN & HURAIAN****Semakan Bahan**

Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:

- pelan intervensi/ rehabilitasi
- laporan selepas setiap sesi intervensi/ rehabilitasi (*case note*)
- laporan pencapaian klien (*progress report*)
- dokumen-dokumen lain yang berkaitan

**Pencerapan**

Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:

- pendekatan intervensi/ rehabilitasi semasa sesi mengikut bidang khusus

<b>RUBRIK</b>				
<b>CEMERLANG</b>	<b>BAIK</b>	<b>SEDERHANA</b>	<b>MEMUASKAN</b>	<b>LEMAH</b>
<b>5</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>1</b>
Berkemahiran melaksanakan penilaian keberkesanan dan dapat membuat keputusan serta tindakan susulan yang tepat secara konsisten.	Berkemahiran melaksanakan penilaian keberkesanan dan dapat membuat keputusan serta tindakan susulan yang tepat.	Berkemahiran melaksanakan penilaian keberkesanan tetapi kurang dapat membuat keputusan serta tindakan susulan yang tepat.	Kurang kemahiran melaksanakan penilaian keberkesanan dan kurang dapat membuat keputusan serta tindakan susulan yang tepat.	Kurang kemahiran melaksanakan penilaian keberkesanan dan tidak dapat membuat keputusan serta tindakan susulan yang tepat.
<b>HURAIAN</b>				
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sentiasa melaksanakan penilaian keberkesanan sesi intervensi/ rehabilitasi dengan betul menggunakan kaedah yang telah ditetapkan.</li> <li>• Sentiasa membuat keputusan bagi penilaian keberkesanan untuk sesi intervensi/ rehabilitasi yang telah dijalankan.</li> <li>• Sentiasa membuat tindakan susulan yang sangat berfokus kepada isu/ kes klien dan memberi impak yang tinggi terhadap perkembangan klien.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan penilaian keberkesanan sesi intervensi/ rehabilitasi dengan betul menggunakan kaedah yang telah ditetapkan tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Membuat keputusan bagi penilaian keberkesanan untuk sesi intervensi/ rehabilitasi yang telah dijalankan tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Membuat tindakan susulan yang sangat berfokus kepada isu/ kes klien dan memberi impak yang tinggi terhadap perkembangan klien tetapi tidak secara berterusan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan penilaian keberkesanan sesi intervensi/ rehabilitasi dengan betul menggunakan kaedah telah ditetapkan tetapi tidak secara berterusan.</li> <li>• Jarang-jarang dapat membuat keputusan bagi penilaian keberkesanan untuk sesi intervensi/ rehabilitasi yang telah dijalankan.</li> <li>• Jarang-jarang dapat membuat tindakan susulan yang sangat berfokus kepada isu/ kes klien dan memberi impak yang tinggi terhadap perkembangan klien.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang melaksanakan penilaian keberkesanan sesi intervensi/ rehabilitasi dengan betul menggunakan kaedah telah ditetapkan.</li> <li>• Jarang-jarang dapat membuat keputusan bagi penilaian keberkesanan untuk sesi intervensi/ rehabilitasi yang telah dijalankan.</li> <li>• Jarang-jarang dapat membuat tindakan susulan yang sangat berfokus kepada isu/ kes klien dan memberi impak yang tinggi terhadap perkembangan klien.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarang-jarang dapat melaksanakan penilaian keberkesanan sesi intervensi/ rehabilitasi dengan betul menggunakan kaedah telah ditetapkan.</li> <li>• Tidak dapat membuat keputusan bagi penilaian keberkesanan untuk sesi intervensi/ rehabilitasi yang telah dijalankan.</li> <li>• Tidak dapat membuat tindakan susulan yang sangat berfokus kepada isu/ kes klien dan memberi impak yang tinggi terhadap perkembangan klien.</li> </ul>

**CATATAN:**

- Impak tinggi/ impak/ impak minimum merujuk kepada perkembangan klien mengikut kes

**INSTRUMEN PENILAIAN BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
FUNGSIONAL PEGAWAI PUSAT PERKHIDMATAN PENDIDIKAN KHAS**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KOD	DIMENSI, ELEMEN DAN ASPEK	DESKRIPSI	KAEDAH PENILAIAN Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:	ARAS PENILAIAN				
				CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	MEMUASKAN	LEMAH
				5	4	3	2	1
<b>D4</b>	<b>KEMAHIRAN PROFESIONAL PEGAWAI PUSAT PERKHIDMATAN PENDIDIKAN KHAS</b>							
<b>E1</b>	<b>PERANCANGAN INTERVENSI/ REHABILITASI</b>							
A1.1	<b>PENGETAHUAN BIDANG KHUSUS</b>	<p><b>Keupayaan pegawai untuk:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>menguasai jenis permasalahan atau ketidakupayaan klien</li> <li>menguasai pelbagai pendekatan intervensi atau rehabilitasi berasaskan bukti (<i>evidence-based</i>)</li> <li>menguasai prosedur saringan atau penilaian</li> <li>menguasai kaedah pengendalian instrumen/ ujian/ alatan khas</li> <li>mematuhi Kod Etika Profesionalisme</li> </ul>	<p><b>Semakan Bahan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>buku log instrumen/ ujian/ alatan khas</li> <li>fail klien</li> <li>laporan penilaian/ ujian</li> <li>instrumen/ ujian/ alatan khas</li> <li>dokumen-dokumen lain yang berkaitan</li> </ul> <p><b>Temu bual:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Apakah jenis permasalahan/ ketidakupayaan klien?</li> <li>Mengapakah instrumen/ ujian ini dipilih?</li> <li>Soalan-soalan lain yang berkaitan</li> </ul> <p>Pencerapan, pemerhatian atau kaedah-kaedah lain yang sesuai boleh digunakan.</p>	Berpengetahuan luas dalam bidang tugas 3PK yang dikhususkan dan mematuhi prosedur kaedah, kod etika profesionalisme secara konsisten.	Berpengetahuan luas dalam bidang tugas 3PK yang dikhususkan dan mematuhi prosedur kaedah, kod etika profesionalisme.	Berpengetahuan asas dalam bidang tugas 3PK yang dikhususkan dan mematuhi prosedur kaedah, kod etika profesionalisme.	Berpengetahuan asas dalam bidang tugas 3PK yang dikhususkan dan kurang mematuhi prosedur kaedah, kod etika profesionalisme.	Berpengetahuan asas dalam bidang tugas 3PK yang dikhususkan dan tidak mematuhi prosedur kaedah, kod etika profesionalisme.
A1.2	<b>PERANCANGAN</b>	<p><b>Keupayaan pegawai untuk:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>merancang/ menyediakan pelan intervensi/ rehabilitasi</li> <li>merancang pemilihan pendekatan intervensi/ rehabilitasi yang sesuai</li> <li>merancang pemilihan instrumen/ ujian/ alatan khas/ bahan</li> </ul>	<p><b>Semakan Bahan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>fail klien</li> <li>pelan intervensi/ rehabilitasi</li> <li>dokumen-dokumen lain yang berkaitan</li> </ul> <p><b>Temu bual:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengapakah pendekatan ini dipilih?</li> <li>Apakah pendekatan yang paling sesuai untuk masalah klien berkenaan?</li> </ul>	Merancang dan menyediakan pelan intervensi/ rehabilitasi yang sesuai dengan kes dan pemilihan pendekatan serta instrumen/ ujian/ alatan khas/ bahan dengan tepat secara konsisten.	Merancang dan menyediakan pelan intervensi/ rehabilitasi yang sesuai dengan kes dan pemilihan pendekatan dan instrumen/ ujian/ alatan khas/ bahan dengan tepat.	Merancang dan menyediakan pelan intervensi/ rehabilitasi yang sesuai dengan kes tetapi pemilihan pendekatan dan instrumen/ ujian/ alatan khas/ bahan kurang tepat.	Kurang merancang dan kurang menyediakan pelan intervensi/ rehabilitasi yang sesuai dengan kes dan kurang pemilihan pendekatan dan instrumen/ ujian/ alatan khas/ bahan kurang tepat.	Kurang merancang dan kurang menyediakan pelan intervensi/ rehabilitasi yang sesuai dengan kes dan pemilihan pendekatan serta instrumen/ ujian/ alatan khas/ bahan tidak tepat.

**INSTRUMEN PENILAIAN BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
FUNGSIONAL PEGAWAI PUSAT PERKHIDMATAN PENDIDIKAN KHAS**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KOD	DIMENSI, ELEMEN DAN ASPEK	DESKRIPSI	KAEDAH PENILAIAN Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:	ARAS PENILAIAN				
				CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	MEMUASKAN	LEMAH
				5	4	3	2	1
			Pencerapan, pemerhatian atau kaedah-kaedah lain yang sesuai boleh digunakan.					
<b>E2</b>	<b>PELAKSANAAN</b>							
A2.1	<b>PENGENDALIAN SESI PENILAIAN/ INTERVENSI/ REHABILITASI</b>	<p><b>Keupayaan pegawai untuk:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>membina hubungan (<i>rapport</i>) dengan klien</li> <li>memastikan kesediaan klien</li> <li>menjalankan penilaian terhadap klien</li> <li>melaksanakan aktiviti intervensi/ rehabilitasi mengikut sesi yang dirancang</li> </ul>	<p><b>Semakan Bahan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>buku log klien (tarikh dan masa kedatangan, nama klien, nama pegawai terlibat, dan tandatangan ibu bapa/ penjaga)</li> <li>fail klien (borang janji temu, borang pendaftaran, surat kebenaran ibu bapa, pelan dan laporan intervensi/ rehabilitasi, laporan doktor, laporan penilaian, dan lain-lain)</li> <li>bahan/ alatan khas (senarai bahan yang dipilih dalam pelan intervensi)</li> <li>dokumen-dokumen lain yang berkaitan</li> </ul> <p><b>Pencerapan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>manual pencerapan. contoh item seperti persediaan dan perancangan, pengendalian sesi, pematuhan prosedur, kemahiran penggunaan teknik dan pendekatan intervensi, tingkah laku dan respons klien, sahsiah diri, dan lain-lain.</li> <li>dokumen-dokumen lain yang berkaitan</li> </ul>	Mempamerkan kemahiran mengendalikan sesi yang dirancang dan dapat mengendali sesi penilaian dengan berkesan secara konsisten.	Mempamerkan kemahiran mengendalikan sesi yang dirancang dan dapat mengendali sesi penilaian dengan berkesan.	Mempamerkan kemahiran mengendalikan sesi yang dirancang tetapi kurang dapat mengendali sesi penilaian dengan berkesan.	Kurang mempamerkan kemahiran mengendalikan sesi yang dirancang dan kurang dapat mengendali sesi penilaian dengan berkesan.	Kurang mempamerkan kemahiran mengendalikan sesi yang dirancang dan tidak dapat mengendali sesi penilaian dengan berkesan.

**INSTRUMEN PENILAIAN BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
FUNGSIONAL PEGAWAI PUSAT PERKHIDMATAN PENDIDIKAN KHAS**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KOD	DIMENSI, ELEMEN DAN ASPEK	DESKRIPSI	KAEDAH PENILAIAN Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:	ARAS PENILAIAN				
				CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	MEMUASKAN	LEMAH
				5	4	3	2	1
			Temu bual, pemerhatian atau kaedah-kaedah lain yang sesuai boleh digunakan.					
A2.2	<b>PENGUNAAN INSTRUMEN/ BAHAN/ ALATAN KHAS INTERVENSI/ REHABILITASI</b>	<p><b>Keupayaan pegawai untuk:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>memilih instrumen/ bahan/ alatan khas</li> <li>menggunakan instrumen/ bahan/ alatan khas</li> </ul>	<p><b>Semakan Bahan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>jenis bahan/ alat intervensi/ rehabilitasi yang digunakan</li> </ul> <p><b>Pencerapan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>instrumen/ bahan/ alatan digunakan secara optimum dan sesuai dengan klien semasa sesi dijalankan</li> <li>manual pencerapan</li> <li>dokumen-dokumen lain yang berkaitan</li> </ul> <p>Temu bual, pemerhatian, pencerapan atau kaedah-kaedah lain yang sesuai boleh digunakan.</p>	Mempamerkan kemahiran memilih instrumen/ bahan/ alatan dengan betul dan mahir menggunakannya secara konsisten.	Mempamerkan kemahiran memilih instrumen/ bahan/ alatan dengan betul dan mahir menggunakannya.	Mempamerkan kemahiran memilih instrumen/ bahan/ alatan dengan betul tetapi kurang mahir menggunakannya.	Kurang mempamerkan kemahiran memilih instrumen/ bahan/ alatan dengan betul dan kurang mahir menggunakannya.	Kurang mempamerkan kemahiran memilih instrumen/ bahan/ alatan dengan betul dan tidak mahir menggunakannya.
A2.3	<b>KEMAHIRAN KOMUNIKASI</b>	<p><b>Keupayaan pegawai untuk:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Berkomunikasi dengan klien, rakan sekerja, dan pihak berkepentingan.</li> <li>Memberikan maklum balas</li> </ul>	<p><b>Pemerhatian:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>semasa sesi intervensi/ konsultasi</li> <li>semasa perbincangan dengan rakan sekerja dan pihak berkepentingan</li> <li>video yang telah direkod semasa sesi intervensi/ konsultasi</li> </ul> <p>Semakan bahan, temu bual, pencerapan atau kaedah-kaedah lain yang sesuai boleh digunakan.</p>	Mempamerkan kemahiran komunikasi dan dapat memberikan maklum balas dengan berkesan secara konsisten.	Mempamerkan kemahiran komunikasi dan dapat memberikan maklum balas dengan berkesan.	Mempamerkan kemahiran komunikasi berkesan tetapi kurang dapat memberikan maklum balas dengan berkesan.	Kurang mempamerkan kemahiran komunikasi dan kurang dapat memberikan maklum balas dengan berkesan.	Kurang mempamerkan kemahiran komunikasi dan tidak dapat memberikan maklum balas dengan berkesan.

**INSTRUMEN PENILAIAN BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
FUNGSIONAL PEGAWAI PUSAT PERKHIDMATAN PENDIDIKAN KHAS**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KOD	DIMENSI, ELEMEN DAN ASPEK	DESKRIPSI	KAEDAH PENILAIAN Penilaian dapat dibuat berdasarkan contoh yang berikut:	ARAS PENILAIAN				
				CEMERLANG	BAIK	SEDERHANA	MEMUASKAN	LEMAH
				5	4	3	2	1
A2.4	<b>KONSULTASI</b>	<p><b>Keupayaan pegawai untuk:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi khidmat nasihat atau khidmat bantu bidang khusus kepada pihak berkepentingan.</li> <li>Merekodkan khidmat nasihat atau khidmat bantu</li> </ul>	<p><b>Semakan Bahan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>laporan sesi konsultasi</li> </ul> <p><b>Pemerhatian:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>kemampuan memberi khidmat nasihat bidang khusus menggunakan bahasa yang difahami dan sesuai.</li> </ul> <p>Temu bual, pencerapan atau kaedah-kaedah lain yang sesuai boleh digunakan.</p>	Mempamerkan kemahiran memberi khidmat nasihat/ khidmat bantu kepada klien dan menyediakan rekod yang sistematik secara konsisten.	Mempamerkan kemahiran memberi khidmat nasihat/ khidmat bantu kepada klien dan menyediakan rekod yang sistematik.	Mempamerkan kemahiran memberi khidmat nasihat/ khidmat bantu kepada klien tetapi kurang menyediakan rekod yang sistematik.	Kurang mempamerkan kemahiran memberi khidmat nasihat/ khidmat bantu kepada klien dan kurang menyediakan rekod yang sistematik.	Kurang mempamerkan kemahiran memberi khidmat nasihat/ khidmat bantu kepada klien dan tidak menyediakan rekod yang sistematik.
<b>E3</b>	<b>PENILAIAN</b>							
A3.1	<b>PENILAIAN SESI INTERVENSI/ REHABILITASI</b>	<p><b>Keupayaan pegawai untuk:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>menjalankan penilaian keberkesanan sesi intervensi/ rehabilitasi</li> <li>membuat keputusan dan tindakan susulan berdasarkan dapatan penilaian</li> </ul>	<p><b>Semakan Bahan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>pelan intervensi/ rehabilitasi</li> <li>laporan selepas setiap sesi intervensi/ rehabilitasi (<i>case note</i>)</li> <li>laporan pencapaian klien (<i>progress report</i>)</li> <li>dokumen-dokumen lain yang berkaitan</li> </ul> <p><b>Pencerapan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>pendekatan intervensi/ rehabilitasi semasa sesi mengikut bidang khusus</li> </ul> <p>Temu bual, pemerhatian atau kaedah-kaedah lain yang sesuai boleh digunakan.</p>	Berkemahiran melaksanakan penilaian keberkesanan dan dapat membuat keputusan serta tindakan susulan yang tepat secara konsisten.	Berkemahiran melaksanakan penilaian keberkesanan dan dapat membuat keputusan serta tindakan susulan yang tepat.	Berkemahiran melaksanakan penilaian keberkesanan tetapi kurang dapat membuat keputusan serta tindakan susulan yang tepat.	Kurang kemahiran melaksanakan penilaian keberkesanan dan kurang dapat membuat keputusan serta tindakan susulan yang tepat.	Kurang kemahiran melaksanakan penilaian keberkesanan dan tidak dapat membuat keputusan serta tindakan susulan yang tepat.






The image features a central dark blue horizontal band. Above and below this band are orange shapes that resemble the top and bottom halves of a stylized arrow or a chevron pointing to the right. The word "KEBERHASILAN" is written in white, bold, uppercase letters across the dark blue band.

**KEBERHASILAN**



## 7.0 PENILAIAN KOMPONEN KEBERHASILAN

Garis Panduan Penilaian Komponen Keberhasilan (GPPKK) menerangkan secara khusus terma, syarat, kaedah pelaksanaan penilaian keberhasilan. Penilaian komponen keberhasilan merupakan sebahagian daripada PBPPP. Jumlah keseluruhan markah untuk penilaian keberhasilan ialah 100%. Walau bagaimanapun dalam penilaian keseluruhan PBPPP, penilaian keberhasilan menyumbang wajaran sebanyak 10%. Rajah 7.1 menunjukkan pecahan wajaran mengikut komponen dalam PBPPP.



**Rajah 7. 1: Pecahan Wajaran Mengikut Komponen Dalam PBPPP**

Penilaian keberhasilan merupakan penilaian hasil kerja utama *outcome/ output* yang memberi impak berdasarkan tugas dan tempat bertugas. Asas penilaian keberhasilan berfokuskan kepada peningkatan atau pencapaian. Ketiga-tiga elemen berikut perlu dipertimbangkan secara profesional semasa membuat penilaian sasaran keberhasilan yang telah ditetapkan iaitu:


- a) usaha; dan/ atau
  - inisiatif dalam meningkatkan keberhasilan
- b) kesungguhan; dan/ atau
  - berusaha dengan penuh minat, tekun dan seikhlas hati

c) keberkesanan tugas

- hasil kerja yang memberi impak kepada organisasi

### 7.1 Proses Kerja Penilaian

Secara amnya, proses penilaian komponen keberhasilan bermula dari langkah penetapan sasaran, penilaian awal, semakan semula sasaran dan penilaian kejayaan mencapai hasil tugas yang disasarkan. Rajah 7.2 menunjukkan proses kerja penilaian komponen keberhasilan sepanjang tempoh penilaian.



Rajah 7. 2: Carta Alir Proses Kerja Penilaian Keberhasilan

## 7.2 Kaedah Penilaian

Kaedah-kaedah penilaian komponen keberhasilan adalah seperti berikut:

- a. Penetapan sasaran keberhasilan adalah berdasarkan kepada deskripsi tugas yang dilaksanakan oleh PYD. PP berperanan menyelia dan membimbing dalam menentukan hasil kerja yang disasarkan. Penetapan sasaran keberhasilan perlu dibuat pada awal tahun penilaian.
- b. PP1, PP2 dan PYD hendaklah berbincang dan membuat persetujuan bersama bagi menetapkan sasaran keberhasilan berdasarkan deskripsi tugas yang akan dicapai dalam tahun penilaian.
- c. Penilaian sasaran keberhasilan dilaksanakan dua kali dalam tempoh penilaian iaitu pada penilaian pertama (pertengahan tahun) dan penilaian akhir (akhir tahun).
- d. PP1, PP2 dan PYD perlu berbincang untuk menetapkan pencapaian keberhasilan dengan adil, telus dan berintegriti bagi setiap sasaran keberhasilan PYD.
- e. Sasaran keberhasilan boleh dikekalkan, ditambah, digugur atau dipinda selepas penilaian pertama dengan persetujuan bersama antara PYD, PP1 dan PP2.
- f. Skor penilaian komponen keberhasilan akan dimasukkan ke dalam sistem e-Prestasi oleh PP1. PP2 boleh menyemak skor keberhasilan yang telah dimasukkan dan disimpan oleh PP1 ke dalam sistem e-Prestasi. PP2 juga perlu memastikan maklumat tersebut adalah sama seperti yang dipersetujui antara PYD dan PP1.
- g. PP1, PP2 dan PYD mesti menyimpan salinan Borang Keberhasilan selepas penilaian untuk tujuan rekod dan rujukan semasa dan selepas tempoh tahun penilaian.

### 7.3 Penetapan Sasaran

Tatacara penetapan sasaran keberhasilan adalah seperti berikut:

- a. Pernyataan sasaran keberhasilan adalah berdasarkan deskripsi tugas PYD. Penulisan pernyataan sasaran keberhasilan adalah tidak melibatkan kerja rutin yang berbentuk proses tanpa ada keberhasilan.
- b. PYD perlu menetapkan sasaran keberhasilan yang sesuai dengan deskripsi tugas dan tempat bertugas masing-masing. PYD perlu merujuk kepada senarai tugas yang telah ditetapkan.
- c. Bilangan bidang tugas dan sasaran keberhasilan serta nilai ukuran sasaran hendaklah bersesuaian mengikut kemampuan dan kebolehcapaian dengan deskripsi tugas PYD serta latar belakang dan matlamat organisasi.
- d. Setiap PYD perlu menetapkan sekurang-kurangnya lima sasaran keberhasilan yang bersesuaian dengan deskripsi tugas yang dijalankan. Walau bagaimanapun sasaran keberhasilan bagi PYD berikut boleh disediakan kurang daripada lima iaitu:
  - PPP yang baharu dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP)
  - PPP yang berada dalam Jawatan Kumpulan tetapi layak dinilai pada tahun semasa
  - PPP yang berada dalam tempoh pemantauan dasar pemisah (*exit policy*)

### 7.4 Kaedah Penulisan Sasaran

Pernyataan sasaran keberhasilan perlu ditulis dengan jelas tentang hasil yang akan dicapai daripada tugas-tugas yang dilaksanakan. Bagi memudahkan penulisan penetapan sasaran keberhasilan, kriteria-kriteria berikut boleh digunakan.

- a. Mempunyai Kata Kerja  
Menggunakan perkataan yang bersifat perbuatan/ amalan seperti mencapai, memastikan, mengurangkan, meningkatkan, menyelesaikan dan seumpama dengannya.

- b. Mempunyai Penyataan Ukuran  
 Nilai yang digunakan untuk mengukur sasaran keberhasilan. Penyataan ukuran boleh mengandungi:
- Kuantiti; dan/ atau
  - Kualiti; dan/ atau
  - Kos; dan/ atau
  - Masa
- c. Mempunyai Tujuan Sasaran  
 Tujuan sesuatu sasaran keberhasilan adalah bagi memperlihatkan hasrat/ matlamat/ penerangan terhadap hasil kerja.
- d. Mempunyai Peringkat Sasaran (jika perlu)  
 Tahap/ peringkat penglibatan yang akan dicapai.

Jadual 7.1 memaparkan beberapa contoh penyataan sasaran keberhasilan mengikut kaedah di atas.

**Jadual 7. 1: Contoh Penulisan Sasaran Keberhasilan Mengikut Kaedah Penulisan**

BIL	KATA KERJA	UKURAN	TUJUAN	PERINGKAT
1.	Memastikan	10 orang murid	mewakili sekolah dalam aktiviti kokurikulum	ke peringkat daerah.
2.	Mendapat	3 pingat emas	dalam pertandingan sukan	peringkat negeri.
3.	Memastikan	10 daripada 25 orang murid kelas PraBerlian	dapat menulis huruf hijaiyah dengan betul.	
4.	Memastikan	7 daripada 10 murid MBK kelas UPM3	dapat menulis nombor 1 hingga 100 dengan betul.	
5.	Mencapai	purata 90%	tahap kefahaman JK PBPPP di organisasi selepas sesi pemantauan dan pementoran dilaksanakan.	
6.	Mencapai	pengurangan 3 daripada 8 kes murid merokok	melalui pelaksanaan kempen "Jom Tak Nak Merokok".	
7.	Mengurangkan	30% kakitangan	yang hadir lewat ke pejabat berbanding tahun sebelum.	

BIL	KATA KERJA	UKURAN	TUJUAN	PERINGKAT
8.	Memastikan	80% dapur dan dewan makan sekolah berasrama.	mendapat lencana BeSS (Bersih, Sihat dan Sejahtera) daripada Pejabat Kesihatan Daerah.	
9.	Memastikan	90% borang permohonan bantuan murid yang diterima daripada pihak sekolah.	lengkap mengikut senarai senarai semak semasa semakan kali pertama dibuat.	
10.	Mencapai	80% guru-guru yang diberi runding cara dan konsultasi.	melaksanakan program Pemulihan Khas kepada murid dengan betul.	

Jadual 7.2 pula menunjukkan beberapa contoh kesalahan penulisan sasaran keberhasilan. Penulisan sasaran keberhasilan berikut tidak sesuai digunakan kerana tiada pernyataan yang boleh diukur, kerja rutin berbentuk proses, tidak memberi impak kepada klien dan organisasi serta bukan hasil kerja utama PYD.

**Jadual 7. 2: Contoh Kesalahan Penulisan Sasaran Keberhasilan**

BIL.	SASARAN KEBERHASILAN	KESALAHAN
1.	Memastikan kehadiran murid ke sekolah	Tiada pernyataan yang boleh diukur
2.	Mengurus peserta pasukan bola baling sekolah	
3.	Mengajar mata pelajaran moral bagi kelas 3A pada penggal pertama	
4.	Pengurusan kebersihan dan keselamatan sekolah	
5.	Merancang dan menyediakan takwim sekolah	
6.	Merancang dan menyediakan RPT mata pelajaran	
7.	Membuat garisan padang untuk latihan dan pertandingan sukan olahraga di sekolah	
8.	Melaksanakan ujian psikometrik	Kerja rutin yang berbentuk proses
9.	Menggubal <i>Teaching Learning Outcomes</i> (TLO)	
10.	Memeriksa buku latihan murid	
11.	Menghadiri mesyuarat guru	
12.	Memastikan semua kertas jawapan peperiksaan murid diperiksa	
13.	Memastikan masuk ke kelas tepat pada waktu	
14.	Mempengerusikan mesyuarat guru 4 kali setahun	
15.	Menulis rancangan mengajar	
16.	Menghadiri kursus dan mesyuarat	



BIL.	SASARAN KEBERHASILAN	KESALAHAN
17.	Bertugas sebagai Setiausaha PIBG Sekolah	Bukan hasil kerja utama
18.	Guru membantu pihak pentadbir dalam melaksanakan kerja pengurusan	
19.	Menghias rumah sukan semasa temasya sukan tahunan sekolah	
20.	Mencuci dan menghias kelas	
21.	Bertugas sebagai pengacara majlis rasmi sekolah	
22.	Mengajar kelas tambahan pada sebelah malam	
23.	Mengemas kini HRMIS	
24.	Menghantar murid yang sakit ke rumah pada minggu bertugas	

### 7.5 Penilaian Sasaran

Cara melaksanakan penilaian sasaran keberhasilan adalah seperti berikut:

a. Pemarkahan

PP1 dan PP2 mesti berbincang dan memuktamadkan markah penilaian keberhasilan bagi setiap sasaran. Jadual 7.3 menunjukkan tahap keberhasilan dan julat markah mengikut skor penilaian.

**Jadual 7. 3: Tahap Keberhasilan dan Julat Markah Mengikut Skor**

TAHAP KEBERHASILAN	JULAT MARKAH	SKOR
Cemerlang	81 - 100	5
Baik	61 - 80	4
Sederhana	41 - 60	3
Memuaskan	21 - 40	2
Lemah	0 - 20	1

Kaedah pengiraan markah purata pencapaian keberhasilan seperti berikut:

$$\frac{\text{Jumlah Markah Bagi Setiap Sasaran}}{\text{Jumlah Bilangan sasaran}} = \text{Purata Pencapaian Keberhasilan}$$

Jika seseorang PYD diarahkan berpindah atau tidak dapat mencapai sasaran disebabkan faktor-faktor luar jangka dan penilaian masih dilaksanakan di organisasi asal, penetapan sasaran boleh diselaraskan sehingga tarikh akhir berkhidmat.

## b. Contoh Penetapan Markah Penilaian

**Sasaran Keberhasilan:**

Memastikan 20 daripada 30 orang murid tahun 5A mendapat Gred A dalam mata pelajaran Matematik pada peperiksaan akhir tahun.

## • Situasi 1

**Pencapaian Sebenar pada akhir tahun:** 15 daripada 20 mencapai gred A.

**Peratus Markah:**

$$\frac{15 \text{ murid}}{20 \text{ murid}} \times 100 = 75\%$$

PYD layak mendapat markah sebanyak 75%. PP1, PP2 dan PYD mesti berbincang dalam menentukan markah sebenar yang akan ditetapkan dengan mempertimbangkan secara objektif hasil pencapaian murid dan penilaian profesional terhadap usaha/ kesungguhan/ keberkesanan tugas. Hasil perbincangan, mereka telah bersetuju menetapkan markah 85 bagi sasaran ini setelah membuat semua pertimbangan.

## • Situasi 2

**Pencapaian Sebenar pada akhir tahun:** 22 daripada 20 mencapai gred A.

**Peratus Markah :**

$$\frac{22 \text{ murid}}{20 \text{ murid}} \times 100 = 110\%$$

PYD hanya layak mendapat markah sebanyak 100% sahaja.

- Situasi 3

**Pencapaian Sebenar pada akhir tahun:** 20 daripada 20 mencapai gred A.

**Peratus Markah :**

$$\frac{20 \text{ murid}}{20 \text{ murid}} \times 100 = 100\%$$

PYD layak mendapat markah sebanyak 100%.

### **7.6 Borang Keberhasilan**

Penilaian Komponen Keberhasilan perlu menggunakan Borang Keberhasilan seperti format dalam Rajah 7.3. Templat borang ini dibekalkan dalam format MS Excel dan boleh digunakan sepanjang tempoh penilaian tahun semasa.

PENILAIAN BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

BORANG KEBERHASILAN

TAHUN \_\_\_\_



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

NAMA PYD		GRED JAWATAN	
NO.K.P.		TEMPAT BERTUGAS	
JAWATAN			




BIDANG TUGAS/ FUNGSI/ AKAUNTABILITI	BIL	SASARAN KEBERHASILAN	PENCAPAIAN SEMASA PENILAIAN PERTAMA	PENILAIAN PERTAMA	STATUS	PENCAPAIAN SEMASA PENILAIAN AKHIR	PENILAIAN AKHIR	CATATAN PP
<b>a</b>		<b>b</b>	<b>c</b>	<b>d</b>	<b>e</b>	<b>f</b>	<b>g</b>	<b>h</b>
		<b>i</b>	BILANGAN SASARAN YANG DINILAI					
		<b>j</b>	JUMLAH MARKAH					
		<b>k</b>	PERATUS PENCAPAIAN					
		<b>l</b>	SKOR					

TANDATANGAN DAN TARIKH					CATATAN
	PENETAPAN SASARAN	PENILAIAN PERTAMA	SEMAKAN SASARAN	PENILAIAN AKHIR	
PP1					
PP2	<b>m</b>	<b>n</b>	<b>o</b>	<b>p</b>	<b>q</b>
PYD					

Rajah 7. 3: Borang Keberhasilan

Berikut ialah maksud bagi istilah-istilah yang terdapat dalam Borang Keberhasilan:

- a** **Bidang Tugas/ Fungsi/ Akauntabiliti** bermaksud skop tugas PYD. Tiada penetapan khusus berkaitan bidang tugas. PP dan PYD perlu berbincang dalam menentukan bidang tugas yang bersesuaian.
- b** **Sasaran Keberhasilan** bermaksud hasil kerja yang perlu dicapai pada tahun penilaian. Sasaran yang boleh diukur, memberi impak kepada klien atau organisasi dan perlu dipacu ke arah pencapaian organisasi.
- c** **Pencapaian Semasa Penilaian Pertama** bermaksud pencapaian sasaran yang diperolehi oleh PYD semasa penilaian pertama dilaksanakan.
- d** **Penilaian Pertama** bermaksud peratus markah yang diberi oleh PP bagi pencapaian sasaran semasa penilaian pertama.
- e** **Status** bermaksud kedudukan sasaran selepas semakan semula dilaksanakan sama ada dikekalkan, ditambah, digugur atau dipinda.
- f** **Pencapaian Semasa Penilaian Akhir** bermaksud pencapaian sasaran yang diperolehi oleh PYD semasa penilaian akhir dilaksanakan.
- g** **Penilaian Akhir** bermaksud peratus markah yang diberi oleh PP bagi pencapaian sasaran semasa penilaian akhir.
- h** **Catatan** bermaksud ulasan Pegawai Penilai terhadap penilaian sasaran.
- i** **Bilangan Sasaran Yang Dinilai** bermaksud bilangan semua sasaran keberhasilan yang dinilai sama ada semasa penilaian pertama atau penilaian akhir.
- j** **Jumlah Markah** bermaksud jumlah markah keseluruhan pencapaian sasaran keberhasilan yang dinilai.
- k** **Peratus Pencapaian** bermaksud purata markah keberhasilan bagi sasaran yang dinilai.
- l** **Skor** bermaksud skor penilaian berdasarkan purata markah keberhasilan. Skor bagi penilaian pertama dan penilaian akhir mesti *key-in* dalam Sistem e-Prestasi oleh PP1. Rujuk Rajah 7.4
- m** **Tandatangan dan Tarikh Penetapan Sasaran** bermaksud tandatangan dan tarikh bukti perbincangan penetapan sasaran keberhasilan pada awal tahun oleh PP1, PP2 dan PYD.
- n** **Tandatangan dan Tarikh Penilaian Pertama** bermaksud tandatangan dan tarikh bukti perbincangan semasa penilaian pertama sasaran keberhasilan oleh PP1, PP2 dan PYD.

- 
**Tandatangan dan Tarikh Semakan Sasaran** bermaksud tandatangan dan tarikh bukti perbincangan semakan semula sasaran keberhasilan selepas penilaian pertama oleh PP1, PP2 dan PYD.
- 
